
USTAZ
ASHAARI MUHAMMAD



صوت الارقم
SHOUTUL ARQAM

كسدارن

KESEDARAN

صوت الارقم
SHOUTUL ARQAM

USTAZ
ASHAARI MUHAAMMAD

كسدارن
KESEDARAN

AL ARQAM الارقم فنراڬن
PENERANGAN AL ARQAM

SlRI NO.06-OZ- 15

Cetakan Pertarna 1985
Cetakan Kedua November 1987

Fotografi: Muhammad Zakaria

Kulit: Dinie Juri
Layout: Pusat Komputer AlArqam

Diferbitkan OLEH:
Penerangan Al-Aroam
Sg. Penchala. jalan Damansara,
60000 Kuala Lumour.
tel:03-7187820

Dicetak 0/8h:
percetakan polygraphic Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

BIOGRA F/KU

Kematian ibu yang tercin ta
di masa umurnya masih moda
waktu aku masih kecil lagi
hilanglah tempat bermanja
di zaman Jepun pula
di zaman kezaliman dan kemelaratan
ada rahsia yang tersembunyi
di masa dewasa.

Berpisah dengan ayahanda yang dikasihi
kerana kehidupan
adalah tarbiah dari Tuhan.

Aku dan adik-beradikku sejak belum bersekolah ***lagi***
terpisah dari ayah dan bonda tercinta
dipelihara oleh bapa-bapa saudara
selepas itu oleh datuk dan nenek tiri pula
berikutannya oleh ibu tiri yang tercinta
untuk pengalaman di masa depan
kinilah yang dimaksudkan.

Pernah duduk dengan bapa angkat
tidur baring di rumah sahabat
ada hikmah yang tersirat.

Tidak dapat berpelajaran tinggi
mengikut is tilah di zaman ini
kerana kah win di masa muda lagi
mengikut perintah almarhum ayahanda yang tercin ta
ada kebaikan untuk zaman kebangkitan
iaitu umur masih muda

anak-anak sudah dewasa,
ramai pula
pendukung cita-cita yang sedang diperjuangkan.

Tidak dapat berpelajaran tinggi juga
sebagai ujian pada setengah manusia
tapi menjadi keyakinan pada setengah yang lainnya
inilah rahsianya yang dilakukan oleh Tuhan.

Dari kecil lagi
hingga waktu kini
tidak sudah-sudahnya berhijrah
berpindah-randah
ada hikmah dari Allah
rupanya Tuhanku mahu aku belajar dengan alam
mencari ilmu di universiti kehidupan
tanpa degri dan ijazah
mendapat tarbiah dari penderitaan
mencari pengalaman dengan kepetitan
baru kutahu, rupanya dalam iakonan hidup ini
da/am kehilangan tempat bermanja
di dalam mengharungi penderitaan dan keperitan
berpindah tangan yang memelihara
berpindah-randah tidak berkesudahan
ada hikmah dan pengajaran
untuk dijadikan senjata
di dalam perjuangan. .

GURUKU SYEIKH MAHMUD BUKHARI YANG TERCINTA

Guruku orang yang hebat dan mulia
bangsa Bukhari, Mahmud namanya
lama di Makkatulmukarramah
dari kecilnya berjubah, berserban,
bercukur kepala kebiasaann ya
janggutnya putih tanda usianya
ilmunya banyakpayah menandinginya
di tanahair tercin ta
di waktu hidupn ya
hafal Quran di dadanya
hadis sepuluh ribu dengan rawinya
empat puluh matan ilmu diha falnya
bila mengajar kitab tidak dibukanya
dia boleh mensyarahkan
apa yang dia suka
boleh berbicara dengan enam bahasa
ibadahnya banyak ruhudnya ketara
beraninya mencegah kemungkaran
menakutkan musuhnya
pemurahnya ibarat bah yang melimpah
ikrarmuduyuf walau muridnya
kalau makan di rumahnya
dia menyenduk dan menambahnya
mutalaah kitab setiap masa
menjadi hobinya
aku selalu dimarahnya
tanda kasihnya
dia da tang ke Malaysia
dulu Tanah Melayu namanya

kerana Sultan menjemputnya
Sultan Hishamuddin namanya
menjadi mudir di Maahadnya
masa Jepun pernah menangkapnya
tangan terikat la/u dibawanya
tidak ada seorang yang membelanya
selepas itu Jepun melepaskannya
waktu di kelas di depannya
wafatnya di Jeddah
waktu kembali ke Makkah yang tercinta
sedangkan sakitnya sangat tenat
dua minggu lebih kurang sebelum wafatnya
sempat aku menziarahinya
di rumahnya yang buruk di Kampung Kuan tan Kelang
tempa tnya
murid-muridnya banyak merata Selangor
di antaranya yang berbahagia Ustaz Ahmad Dahlan
dan Ustaz Hamim Sementa.

BUDINYA KUKENANG SAMPAI MATI

Guruku yang tercin ta Syeikh Bokhari
orang Bokhari, Mahmud namanya
budinya kukenang sampai mati
jasanya banyak tidak dapat kubalasi
orangnya berserban berjambang dan berjanggut
beraninya ketara walau di depan Raja
orangnya zuhud tanpa harta
ibadahnya banyak tradisi hidupnya
marahnya berhikmah, pemurah basahannya.

Ilmunya banyak susah menandinginya
hafaz Quran, 10,000 hadis di kepala dengan rawinya
enam bahasa diketahuinya
sayangnya padaku macam anaknya
hasil usahaku ini berkat darinya
Fatihah untuknya setiap masa.

IMAMUL MAHDI

Kita kini di awal kurun kelimabebs
mengikut pengakuan Nabi pen&up
di awal kurun ini seorang mujaddid diutuskan
jika mujaddid ini penutup segala mujaddid
lmamul Mahdi namanya
kita rasa dia sudah hampir tiba
menunggu saatnya saja
memang sudah sepatutnya tiba
kerana kebenaran sudah tidak diterima orang lagi
tanda-tanda ketibaannya sudah nyata
mengikut tanda-tanda yang telah disabda
dari lidah Nabi akhir zaman
hanya satu dua tanda saja lagi
yang belum terjadi
bila tanda-tanda itu menjelma
tiba-tiba dia ada saja
kedatangannya memenuhi keadilan di dunia
seperti manusia-manusia lain membawa kezaliman
dia menghukum siapa yang salah
membela siapa yang benar
mengikut syariat Nabi penyudah
memelihara pusaka lama
memusnah yang datang kemudian
iaitu dedalu di atas pokok
menjadi payung pada ummah
membawa obor di waktu mendung
merampas yang terlepas
perisaizamannya
hujjatul Islam pada ummahnya
kubu pertahanan ketika ummah terdedah

dari setiap yang kalah
pejuang-pejuang Islam!
tunggulah kedatangannya
kita rasa tidak lama lagi
kerana tanda-tandanya sudah nyata sekali
mengikut apa yang disabdakan oleh Nabi
kita yakin mujaddid itu
adalah Imamul Mahdi
pembela yang benar
pembenteras yang salah
di waktu itu yang benar pasti menang
yang salah pasti kalah.

IMAMUL GHAZALI

Kedatanganmu **ya** *tmamul Ghazali yang tercinta*
tepat masanya
orang sepertimu memang diperlukan
bahkan ditunggu-tunggu
kedatanganmu adalah anugerah Tuhan
kepada alam /slam
untuk pencinta i/mu
perisai kebenaran
pedangpembunuh kebatilan
penyedar fuqaha-fuqaha yang /alai
denganmujadalah-mujadalahnya.
panah beracun membunuh ah/i-ah/i fikir
yang dipanggil filasuf
yang menilai dengan otak-otaknya
dengan teori-teorinya
yang menjadi racun pada aqidah ummah
membetulkan kembaliperjalanan sufi
di alas landasan ilmu
yang berrohkan wahyu dan sunnah Nabi
engkau fmam adalah hujja tul Islam
ya Imam,
ketibaanmu ke dunia Islam
memang ditunggu-tunggu
penyelaras tiga ilmu menjadi satu
Usul, Feqah dan Tasawuf
tiga nama di dalam satu
tiga serangkai tidak boleh bercerai
bila satu dipisahkan rosak yang lain
ya Imam,
engkau perisai ummah
ketika ummah kehilangan pertahanan dirinya

engkau benfeng ummah
ketika ummah ketiadaan kubunya
engkau pedang ummah
ketika ummah kehilangan pedangnya
engkau adalah obor
ketika ummah padam lampunya
ya lmam, dunia terhutang budipadamu
ferutama dunia Islam
fikiran-fikiran ummah cerah kembali
disuluh oleh falsafahmu
syariat hidup kembali
dengan roh tasa wufmu
jiwa bersih kembali
dengan i/mu-i/mu hakikatmu
ya lmam,
engkau adalah mujtahid
menghuraikan yang sulit
mengungkai yang fersimpul
mencungkil yang tersirat
mencerah yang kabur
engkau adalah mujaddid
diisyarat oleh Sayidul Mursalin
yang datang di awai setiap kurun
memberi tenaga kembali
pada jasad yang lemah
memberi cahaya kembali ilmu yang kabur
membaharui kembalipusaka yang lama
menyedarkan kembali ummah yang tidur
ya lmam,
pusaka yang kau tinggalkan pada ummah
amat berharganya
terutama lhya'mu, menghidupkan agama
pada lhya'mu ferlihat kebesaran sahsiahmu
lhya'mu ibarat lautan yang dalam

di dalamnya ada motiara-motiara yang berharga
orang yang mampu menyelam dapat mengambilnya
dia dapat menilainya
orang yang tidak mampu menyelam
tidak nampak apa-apa
kecuali lumut-lumut dipermukaan air
atau yang nampak sampah sarap di atasnya
lalu menuduh lautan ini kotor
tidak ada apa-apa man faa tnya
kerana dia tidak tahu apa yang di dasarnya
ya Imam,
jangan bimbang
pusakamu sen tiasa dipelihara orang
bahkan diperkembang dan diperpanjang
walaupun ada orang yang tidak senang
sebenarnya murid-muridmu
banyak di belakangmu
mereka kader-kader yang be/ajar dari Ihya'mu
mereka menjadipagar-pagar
sudah banyakpenjahat-penjahat
hendak merosakkan pusakamu
namunpengikut-pengikutmu
menjadibenteng-bentengnya
ya Imam,
engkau terasa ada
di da/am kehidupan kami
walaupun engkau tiada lagi
ya Imam,
Ihya'mu adalah hidup mati kami
kerana dia adalah huraian
Quran dan sunnah Nabi
moga-moga kamu dirahmati Allah
Fatihah untukmu ya Imam.

MURSYID YANG SEJATI

ilmunya finggi
mulutnya memuntahkan hikmah
fakut kepada Allah terser/ah di mukanya
gerak diamnya mengandungi erti
pandangnya fembus
dapat membaca yang tersembunyi dalam diri
melihat mukanya menyenangkan hati
pancaran dari hati nurani yang murni
kasih sayangnya menghiburkan hati
setiap yang menggauli merasa dihormati
melihatnya tidak jemu
berpisah dengannya terlalu rindu
siapa bersalah gelisah di depannya
hidupnya membayangkan murahnya dunia ini
akhiraf tempat kembali
yang abadi
gerak-gerinya matan kebenarannya
ucapannya tafsiran matanya
matan dan tafsiran memberi erti sejalan.

MASYARAKAT SOLAFUSSOLEH

Aqidah mereka rohiah bukan akliah
ibadah menjadi syiar masyarakat mereka
ilmu mereka bercahaya
memancar ke anggota, terus ke alam buana
amalannya tradisizamannya
zakat dan sedekah penghibur hati
mubahasah dan mujadalah tidak dikenali
muzakarah mengambil tempa tnya
menghidup i/mu dan hikmah
terhindar ego dan rendah diri
bertolong ban tu ada t kebiasaan mereka
mencari i/mu ke wajipan mereka
untuk amalan dan panduan
bukan cari makan dan kedudukan
bukan ladang dan bendang
bukan bintang-bintang kemegahan
masyarakat mereka bersih dari noda
kecuali yang tiada nampak di mata
akhlak mereka bak bunga di taman
ukhwah bak air tidak dapat dipisah oleh kiambang
menarik perhatian setiap insan
pimpinannya diterima masyaraka t majmuk
kafir dan musyrik.

ULAMA-ULAMA' KEHILANGAN PENGIKUT

Ulama'-ulama penggan ti Nabi
memimpin manusia di semua aspeknya
membawa obor ke tengah masyarakatnya
yang terpancar dari lidah dan dirinya
yang "main switch'nya dari hati
tetapi malang hari ini
mereka tidak ada peranan lagi
mereka tidak dijadikan ikutan lagi
mereka kehilangan pengikut
orang ramai telah lari menjauhkan diri
kerana cahaya dari lidah dan dirinya
tiada memancar lagi
hati telah dipudarkan oleh daki
daki dunia yang membunuh cahaya
umat tidak mendapat manfaat lagi dari mereka
mereka tidak dihormati
mengapa?
Salah sendiri
kerana melupakan pesanan Nabi.

27-2-82
Selepas Subuh.

HA YA TUL MUTTAQIN

Allah penciptanya cinta tonggalnya
Cinta sucinya tidak dibelah bagi
lantaran cintanya dia berkorban
dia berkorban lalu terkorban
kerana asyiknya dia lupa dunia
orang dunia menuduhnya gila
kata nista dilemparkan padanya
kerana rindunya kata nista pencemuh
tidak terdengar lagi
laksana cinta gadis lupa segala
dia berkorban apa saja
cemuhan manusia tidak terasa apa-apa
kerana kekasihnya tidak terasa sejuk pagi
kerana perintahnya tidak mengapa panas matahari
gunung yang tinggi dia daki
lurah yang licin dia turuni
lautan yang dalam dia renangi
sungai yang deras arusnya dia seberangi
kerana kekasihn ya dia bayar dengan apa saja
hingga n yawanya menjadi harganya.

ALLAH TELAH MEMPERLIHATKAN KEKUASAANNYA

Bandar dan pekan dengan hiruk-pikuknya
suara manusia dan keretanya
dipagari maksiat dan keindahannya
apa yang dipandang mempesona
tapi aneh sekali
penghuni-penghoninya memenuhi rumah Tuhan
kelas-kelas pengajian Islam di bandar dan di pekan
laris seperti pisang goreng
serban dan iubah mengganti bush jacket
mini telekung dan purdah menjadi syiarnya
mengambil alih skirt dan sarong belahnya
kampung-kampung yang sunyi sepi dari hiburan
juga kurang pemandangan yang mempesona
maksiat lahirpembunuh iman kurang
tapi apalah maiangnya
rumah Tuhan sunyi sepi
pengajian Islam dagang sekali
ibarat pengemis miskin yang tidak dihargai
lebih aneh lagi dari itu
tidak terfikir terjadi 15 tahun dulu
siswa-siswi dari 'oversea" juga dalam negeri
pelajaran sekular yang mereka buru
berjubah berserban berpurdah menghias diri
siswa-siswipengajian Islam
'oversea" atau dalam negeri
berpakaian bush jacket kepala terdedah penuh megah
Allah memperlihatkan kuasa-Nya
iman dan kekufuran tidak memilih tempat
kekufuran tumbuh di tengah keimanan

keimanan berkembang di tengah kekufuran
laksana Asiah di istana Firaun
seperti isteri dan anak Nabi Nuh di sisinya
kufurnya Aris totalis, wazir Zulqarnain.

KEBESARAN AL QURAN DAN *KEAGUNGANNYA*

Kebesarannya dikagumi, ditakjubi
bahasanya mudah
tetapi indah
susunan ayatnya
bukan syair
bukan sajak dan bukan gurindam
bukan novel dan bukan cerpen
ada cerita membawa berita
bukan falsafah ada falsafah
ada hukum ada panduan
ada perintah ada tegahan
ada hiburan ada ingatan
dalam cerita ada hukum
dalam hukum ada cerita
ada perbandingan ada perumpamaan
di dalamnya membuka segala rahsia
akhiratnya, dunianya
jasmaninya, rohaninya
mukminnya, kafirnya, munafiknya
watak-watak manusia
malaikat dan jinnya
peristiwanya **bab terjadi dan akan terjadi**
ramalan nya berlaku
janjinya terjadi
ilmu di dalam ilmu
hikmahnya di dalamnya hikmah
bahasa mudah sukar ditiru
bacaannya **tidak** *jemu*
menatapinya kekuatan jiwa

mengubat hati, penajam mental
petunjuknya, kedamaian, keselamatan, keharmonian
membersihkan kemungkaran
penzaliman dan penindasan
hukumannya berhikmah
mengamalkannya
melahirkan tamadun dan kebudayaan
bahasanya, susunannya, isinya
dikagumi oleh ahli bahasa
ditakjubi oleh para sasterawan
dianggapi pelik oleh filasuf
dianggap sihir di zaman jahiliah
mencabar cerdik pandai
mereka tercabar tidak dapat mencabar
menceduk mutiaranya tidak habis-habis
tidak dapat diubah, dibuang dan ditambah
telah terbukti
beberapa kali dicuba oleh musuhnya
dikesan juga akhirnya
pusaka abadi, mukjizat Nabi
Sayidul Anbia wal Mursalin, wakhotamunnabiyin.

21-2-82

MENTAFSIR AL-QURAN MEMERLUKAN ILMU YANG BANYAK

Di wakfu ini telah muncul mujtahid-mujtahid baru
mentafsir Quran mengikut nafsu
atau mengikut fikiran secara sekular
dengan sombong dan mendabik dada
timbullah pendapat-pendapat yang merbahaya
bak racun di luarnya gula
mentafsirkan Quran memerlukan i/mu yang banyak
mengikut kaedah nahu, sarafnya
faham hadis dan musfalahanya
mahir balaghah dan kawaid-kawaidnya
faham usul tafsir, juga usul feqah
kalau tidak tafsiran ifu mesti salah
tidak kurang mesti tahu mujmal dan mubayannya
mutlak, mukkaiyad tidak boleh tinggal
arif tentang am dan khasnya
agar Quran dapat difaham dengan tepatnya
asbabunuzul juga difaham
nasikh mansukh diambil kira
agar Quran jangan disalah faham
baru boleh mengeluarkan hukum-hakam
seperti ulama'-ulama zaman silam
bahkan ada i/mu-i/mu yang lain mesti diketahui
tidak payah disebut di sini
jika ilmu-ilmu tersebut tidak menjadi pengukurnya
sudah tentu mentafsirkan Quran dengan fikirannya
Nabi telah berpesan kepada kita
siapa mentafsirkan Quran dengan fikirannya
neraka jahanam disediakan sebagai tempatnya.

INILAH KEBANGKITAN ISLAM

Kebangkitan Islam di mana-mana
khusosnya di Malaysia negara tercin ta
oleh muda-mudi
kurang dari orang tua
lebih-lebih lagi yang punya harta
pewaris-pewaris Nabi sedikit sekali
sejarah ini berulang lagi
seperti di zaman Nabi
hanya orang muda menjadi ‘sohabi”

Kebangkitan Islam bukan slogan
tidak riuh-rendah dalam seminar
bukan hentam-hentaman di atas pentas
tetapi realitinya
amalannya telah tegak semula
seperti ‘soleh ” berjemaah di mana-mana
tudung dan purdah menghiasi bumi
tarbiah dan usrah menjadi-jadi
dakwah di mana-mana di pelusuk negara
serban dan jubah di mana-mana saja
laksana bunga kembang di waktu pagi
penggantipakaian sunnah bangsa-bangsa
inilah kebangkitan Islam
suasana ini menonjol di negara kita.

Selepas sembahyang Jumaat
di Trengganu.
9-9-83

ALLAH DAN RASUL MEMANGGILMU

Wahaipara mujahid dakwah!
Allah dan Rasul memanggilmu!
menyampaikan risalah
seruan ini jangan kaulengahkan!
ayuh tunaikan segera!
tapi per/u diingat
sebelum tampil ke depan
mara ke hadapan menunaikan seruan
bersiaplah lebih dahulu dengan kemasnya
milikilah iman sebagai kubumu
ilmu itu sebagai pedangmu
kesabaran itu sebagaiperisaimu
keyakinan itu sebagai baju besimu
kebijaksanaan itu sebagai sepak terajangmu
amal soleh dan lemah-lembut itu sebagai strategimu
Quran sebagaipanduanmu
sunnah Rasulullah sebagaipedomanmu
para mujahid dakwah!
ingatlah di hujung perjalananmu syurga yang manis
tapi sebelum itu jalan yang ditempuh penuh kengerian
menakutkan dan menjemukan
mungkin kamu akan papa
paling tidak, tidak dapat buat harta
boleh jadi sakit yang menimpa
tidak kurang caci-maki manusia
boleh jadi kamu akan terpisah dari keluarga
adakalanya kehilangan kawan
boleh jadi kamu dibunuh orang
bila persiapanmu cukup lengkap
engkau tidak akan bimbang
ujian-ujian yang mendatang

di depanmu

engkau akan dapat menghadapi itu semua dengan bantuan Allah yang Berkuasa.

di depanmu
engkao *akan dapat menghadapi itu semua dengan bantuan Allah yang Berkuasa.*

JEMAAH ISLAMIAH TELAH MUNCUL DENGAN BANYAKNYA

Jemaah Islamiah telah muncul dengan banyaknya
di tanahair Malaysia yang tercinta
ada besar ada kecil mera ta-rata
masing-masing dengan cara dan "style"nya
masing-masing mendakwa membawa kebenaran
mereka datang ke tengah masyarakat
dengan meriahnya
menyeru manusia ikut Nabi ke jalan Tuhan
mereka ini ada yang diterima
tidak kurang yang ditolak begitu saja
kerana banyak berkata tidak mengkota
manusia sekarang sudah pandai memilih
yang sebenarnya
banyaknya jemaah Islamiah baik juga
agar mudah masyarakat manusia memilihnya
yang mana betul atau hampir kepada kebenaran
kalau satu tidak ada "alternatif" ikut saja
kalau benar tidak mengapa
tapi kalau salah atau palsu
alangkah malangnya.

PERISAI ZAMANNYA

Jemaah lslamiahpayung anggota-anggotanya
confoh masyarakat masanya
penga wal api Islamnya
agar jangan padam
nan ti dunia akan kelam
perisairamannya
pedangpembunoh musuh-musuhnya
menjadi hujah pada kaumnya
kalimah Allah matlamat perjuangannya
sekurang-kurangnya di dalam jemaahnya
iman, ukhwah, kesefahaman kekuatannya
inilah yang diisyaratkan oieh Rasulullah
sepanjang zaman lahirnya foifah
di sebalik sifat-sifat ini jemaah thowaghit namanya
sekalipun kalimah Allah yang dilaungkannya.

BANGUNLAH WAHAI KAUM MUSLIMIN

Wahai kaum muslimin
sudah lama kamu tidur dengan nyenyaknya
bangunlah! bangunlah!
membawa akal yang cerah
oleh Al Quran dan sunnah
datanglah dengan jiwa yang bersih
dengan roh agama
ilmu hakikat namanya
bersihkanlah lahirmu
dari noda dan dosa
dengan ilmu syariat yang sorihnya
hiasilah kembali dirimu dengan bunga-bunga diri
akhlak namanya
agar menjadi cermin bangsa-bangsa di dunia
tampillah ke hadapan
membawa hati yang waja
dengan iman dan keyakinan
memben teras yang salah
memusnahkan yang bidaah
menguatkan yang lemah
melemahkan yang kuat
meratakan keadilan
menumpaskan kezaliman
agar kamu menjadi payung semula
menaungi manusia-manusia di dunia
seperti zaman yang silamnya.

MATLAMAT PERJUANGAN

Kawan
apakah yang hendak diperjuangkan?
mengikut kehendak Islam
bukan mengikut kehendak kita
apakah sebenar matlamat perjuangan itu?
yang terang, yang jelas mengikut Quran dan sunnah
kerana marah?
kerana berani?
kerana pangkat dan darjat?
kerana nama dan publisiti?
kerana hobi?
semuanya ini tidak, kawan
perjuangan itu menegakkan kalimah Allah
agar dia berdaulat
agar mengatasi semua kalimah
kawan
apakah itu kalimah Allah
iaitu menegakkan hukum yang lima
wajib, sunat, haram, makruh dan harus
wajib sunatnya hendaklah ditegakkan
dalam aqidah, ibadah, ukhwah, dakwah, jemaah
dan seterusnya haram dan makruh
hendak dihindarkan dari semua aspeknya pula
yang harus terpulang kepada kita
itulah dia al jihad fi sabilillah
dapat pahala yang besar di sisi Allah
mati kerananya dapat syahid pula

BANGUNKANAMAL BAKTI

Wahaipemuda-pemudi Islam
emosional yang menyesak dada
tidak dapat menyelesaikan masalah yang ada
melaung dan bettempek bak halilintar memecah bumi
suara gemuruh memenuhi ruang udara
tidak akan meruntuhkan kuku besi
tidak akan memusnahkan penzalim di muka bumi
menyalahkan orang lain
membenarkan diri sendiri
tidak akan memutuskan
ran tai-rantai yang membelenggu diri
berfikirlah, sejukkan hati
atur strategi dengan teliti
gariskan jalan menuju matlama tnya
secerah jalan yang diterangi matahari
tanamkan keyakinan di da/am hati
hiaskan bunga-bunga pada diri
agar orang minati
tambah ilmu setiap hari
dari sumber llahi
bangunkan amal bakti
agar Tuhan menilainya
juga Rasul dan manusia di dunia
inilah cara kidup yang sejati.

CORAK HIDUP TELAH BERUBAH SAMA SEKALI

Pendidik pettama telah lari dari tugasnya
atau mendidik tidak ikut minhajnya
pendidik kedua tidak ikut jadualnya
isi ajaran tidak ikut semestinya
kurikulum orang telah dibawa masuk ke dalamnya
kurikulum sendiri telah dikesampingkan di sebelahnya
yang *menerima* ajaran telah berubah tabiatnya
tutur bahasanya tidak mengikut tajwidnya
corak hidup telah berubah sama sekali
dari kehidupan Makkah, Madinah
kepada kehidupan Rom, Farsi
atau kehidupan Nasrani, Yahudi
anak-anak tidak kenal ibu bapanya
suami dianggap sebagai orang suruhannya
murid-murid tidak taat kepada gurunya
guru-guru laksana majikannya
orang-orang muda tidak hormat orang tua
orang-orang tua dianggap sampah masyarakatnya.

SEORANG DA'I

Para da'i adalah pewaris Nabi
ilmunya di hati bukannya di lidah
akhlaknya tinggi
sanggup menanggung susah
takutnya pada Allah dapat dilihat pada mukanya
orang yang melihat ada berkah
berdakwah atas nama jemaah
begitulah mengikut sunnah
bukan seorang diri
kata-katanya berhikmah
peribadinya dicontoh
rumahtangganya model masyarakat
pemurahnya ketara
pemaafnya pakaiannya setiap hari
tidak memin ta-min ta
orang menyangka ia kaya
keluh-kesah tidak ada padanya
kaya dengan manusia, fakir dengan Tuhan
orang melihatnya rasa simpati
lidahnya bersih, melaknat jauh sekali
musuh-musuhnya membohongi di mulut
membenarkan di ha ti.

PERINGATAN UNTUKKU DAN PARA DA'1

Dakwah adalah kewajipan
mengikut sebuah sabda Nabi
sampaikanlah dari aku walau satu ayat
menyedarkan manusia agar Allah disembah
sampaikan seruan Ilahi dari hati
bukan hobi, bukan cari rezeki
seruan itu rasakan dahulu di dalam hati
buktikan dengan amalan
bukan sekadar aqli, bukan sekadar lisan
bercakap dari hati akan jatuh ke hati
manusia berubah dan ada berkah
kalau dari lidah akan jatuh ke lidah
orang puji, orang mahu dengar lagi
tapi tidak berubah
berdakwahlah, bukan pengasah lidah
tapi penerang hati
kenalkan Allah pada manusia
dengan hati yang dikatakan al ariful-billah
bukan aqli yang dikenal al ilmu-billah
mengenal itu adalah dengan **hati**
mengetahui adalah secara aqli.

MERBAHAYANYA DA'/-DA'/ YANG JAHIL
FASIH L/DAHNYA

Maksud di da/am sebuah sabda
sodiqul masduq **sayidul anbia'**
yang akan berlaku di zaman kifa
ulama:ulama'kurang, mubaligh banyak
lidahnya fasih, ilmunya tiada
yang merbahaya mubaligh yang jahil fasih lidahnya
ma/as belajar kerana statusnya
menyangka alim kerana fasih lidahnya
juga hadis tidak memahaminya
tauhid tidak tahu bahasannya
feqah tidak tahu masalahnya
ha/al dan haram samar-samar sahaja
terjadilah *apa yang keluar* **dari mulutnya**
mengikut otaknya
kadang-kadang mengikut apa yang dirasanya
memberi fat wa sesuka hafinya
terjadiiah mengumpat dianggap nasihat
memberi semangat tidak bertempat
marah-marah tidak fenfu hala
para hadirin terpinga-pinga
tidak faham apa yang dia kata
banyak yang menyesal perubahan pun tiada
hadirin teringat ciri dan keluarganya
tidak *menggambarkan apa yang dia kata.*

DIMARAH DAN DIBENCI

Berita.yang diterima dari 'oversea"
amat pelik dan ajaib sekali
dari siswa-siswi luar negeri
siswa-siswi ikut dakwah sangat dicurigai
siswi bermini telekung dan berpordah
dimarah dan dibenci
bukan kafir pihak universiti luar negeri
mereka menghormati
kerana semangat demokrasi
tapi dari pentadbir negeri sendiri
kepada mereka dihantar ulama'secara rasmi
terpaksa bayar "mileage" dan elaun luar negeri
minta siswa-siswi jangan ikut dakwah
mini telekung dan purdah dibuang kembali
juga serban jubah
tapi mereka ada pendirian sendiri
larangan itu tidak dipeduli
siswa-siswi merasa aneh
yang bergaul bebas tidak dimarahi
yang sekedudukan dengan mat saleh tidak dipeduli
ada yang mengandung tanpa nikah
ada yang terlibat dengan dadah
tapi tidak dibenci.

JALAN NABI TIDAK DITEMPUH LAGI

Jalan hidup telah direntang oleh Nabi
jalan dunia akhirat yang selamat dan bahagia
"high-way" Muslimin yang luas dan lurus
sekalipon amat jauh perjalanannya
para sahabat telah menempuh jalan itu
para tabi'in telah mengikut dari belakangnya
umum salafussoleh telah turut menempuhnya
mereka telah dapat menuju hidup bahagia
negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Tuhan
mereka menjadi tuan di dunia
menjadi payung pada seluruh manusia
malang sekali umat Islam selepas itu
jalan Nabi tidak mereka tempuh lagi
mereka ikut jalan musuhnya yang menipu
akibat dari itu, mereka ibarat keretapi
yang jatuh dari landasannya
atau ibarat kapal di lautan terbeting di batu karang
atau umpama kereta terbabas dari jalan raya
masuk gaung remuk-redam dengan parahnya
cuma belum terjadi
ibarat kapalterbang jatuh terhempas.

PUSAKA NABI T/DAK DIPEDULI i

Hatl setiap Mukmln ibarat luka kena limau
pedih sekali
merintih dan bersedih
mengenang pusaka Nabi tidak dipeduli
depan ma ta
tidak dikawal dan dijaga
tidak dipagar dan dibeb
tidak diurus dengan baiknya
ada yang mengurus, dikhianatinya
ada yang menjaga dan mengawal
ibarat pagar makan padi
ada yang ambil faedah darinya
ibarat men yun ting bunga
perdunya tidak dipeduli
ada yang mengurus dengan ikhlas
dituduh pula merosakkannya
ada yang bubuh baja di pangkalnya
dituduh mengotorinya
aduh! pusaka Nabi tidak dipedull
terbiar dengan sedihn ya.

l
c

JANJIMU PASTI

Tuhan
bilakah lagi masan ya hati Muslim diberi iman?
bencikan dunia cintakan akhirat
ukh wah perhubungan mereka dengan mereka
agar Engkau membela mereka
supaya mereka menjadi payung di dunia
mengikut janji-Mu
di dalam kitab-Mu
jan ji-Mu pasti
mereka menunggu
berilah mereka jalan untuk bertaqwa pada-Mu
agar kehinaan tidak berlaku sepanjang masa.

DUN/A IBARAT PENTAS LAKONAN

Dunia ibarat pen tas lakonan
manusia menjadipelakon-pelakonnya
ada yang menjadi raja dan menteri
dengan sombongnya
ada yang menjadipermaisuri dan dayang-dayang
dengan mengada- ngada
ada yang menjadipembesar-pembesar dan saudagar
dengan heba tnya
tidak kurang yang berlakon
sebagaiperwira dan panglima
menunjuk gagah dan beraninya
ada juga yang berlakon sebagai hamba kepada raja
atau kuli kilang pada majikan yang kaya
tidak kurang orang miskin tidak ada kerja
cerdik-pandaipun sibuk dengan urusannya
di atas pentas dari hujung ke hujungnya
mereka rasa lakonan itu tiada penghujungnya
tapi bila tirai pen tas dilabuhkan
masing-masing balik menjalani hidup yang sebenarnya
rupanya raja dan menteri
kerja kerani biasa saja
pembesar dan saudagar
penoreh getah di kebunnya
perwira dan panglima kerja bendang yang disewa
cerdik-pandai kerja kilang orang punya
rupanya mereka hamba, kuli, si miskin
yang berlakon sebagai orang kaya dan orang besar
demikian dunia dan isinya
pentas hidup yang amat besar dan luasnya
manusia berlakon setiap masa dan ketika
pengarah agungnya Allah S. W. T

ada yang jadi menferi dan raja
ada yang jadi permaisuri dan dayang-dayangnya
ada hulubalang dan pendekarnya
ada cerdik ada bodoh
semuanya berlakon mengikui kebebasan
yang dipinjamkan oleh Allah pada mereka
tapi manusia kebanyakan tidak sedar
hidup di dunia hanya lakonan
yang akan berakhir bila tirai maut dilabuhkan
waktu hidup mereka menyalahgunakan kuasa
mereka ingkar dengan arahan Khaliknya
mereka rasa dunia ini mereka punya
orang lain ibarat binafang yang melata
tapi bagi yang sedar diri
hidup di dunia hanya semen tara
bukanlah hidup yang sebenar dan hakiki
mereka tidak sewenang-wenang di dunia
bila tirai hidup dilabuhkan
manusia kembalipada hidup sebenarnya
raja dunia bukan lagi raja akhirat
permaisuri dunia bukan lagipermaisuri akhirat
orang besar dunia bukan lagi orang besar akhirat
orang kaya dunia bukan lagi orang kaya akhirat
orang miskin dunia belum tentu miskin di akhirat
orang bodoh dunia be/urn tentu bodoh di akhirat
pangkat bertukar tangan darjat beralih tempat
yang miskin mungkin senang
yang kaya mungkin merempat
kebanyakan manusia terkejut dan terbeliak matanya
baru sedar hidup di dunia hanya pura-pura
macam orang berlakon di atas pentas sandiwara.

JALAN KESELAMATAN

Quran dan sunnah cahaya seluruh kehidupan
tidak ada yang tidak tersuluh olehnya
cahaya yang bukan cahaya ini
dapat dimanfaatkan oleh yang hatinya celik
walaupun ma tanya buta
kalau mata yang celik
hati yang buta
dia hidup da/am gelap-gelita
dia akan sesat di mayapada
quran dan sunnah menerangkan akalnya
akalnya yang terang memandu hidupnya
hingga sampaipada Tuhannya
jihad dan mujahadah jalan yang diren tangnya
jalan ini keselamatan manusia
menuju ke tempat rehat yang bahagia
Syurga namanya.

JALAN KEBENARAN TELAH DIROSAK ORANG

Jalan kebenaran telah dirosak orang
ada yang ditabur duri
ada yang ditabur kaca
ada yang ditabur batu kerikil
ada yang dikorek
ada yang disekat orang
orang yang menempuh jalan ini
menerima nasib yang berlainan
ada yang kakinya berdarah
ada yang bengkak kakinya
tidak kurang yang patah kakinya
ada yang terjun lubang
sedikit sangat yang sampai ke hujung
dengan selamatnya
kecuali orang yang ada penyuluh hidupnya
memerhati dengan teliti
bijaksana melangkah sampai ke hujungnya.

JALANNYA JELAS

*Kawan
di da/am membangunkan Islam kembali
tidak cukup dengan slogan
tidak pada dengan semangat membara
tidak memadai dengan menyalahkan sesiapa
tidak cukup marah tidak tentu hala
kawan
untuk membangunkan Islam kembali
perlu menjadi keyakinan
menghendaki kefahaman
yang lebih penting diamalkan
selepas itu terus diperiuangkan
jalannya jelas
ada strategi
ma tlamatnya jelas
seterang matahari di waktu siang
ada jemaah yang kuat membangunkannya
pemimpin yang dicontohi
pengikut yang mematuhi
khidmat masyarakat yang mesti
itulah dia makrufat namanya
yang selalu diperkatakan da/am pengajian.*

BUNGA DIR/ TELAH BERKEMBANG DENGAN LIDAHNYA

Bunga diri telah berkembang dengan indahnya
berkembang dengan suburnya
di a tas pokok-pokok yang masih muda
pokok-pokok ini berbunga di atas tanah yang
dulunya gersang
kini tanah taman ini subur semula
lan taran air hujan telah turun dengan leba tnya
taman ini kini kelihatan indah dan cantik sediakala
masa yang sama
taman yang indah ini dipagarpula
walaupun kayu pagar ini muda
tapi terasnya tua
keindahan taman ini telah menarik perhatian orang
di luarnya
mereka telah mula masuk ke taman dengan ghairahnya
tapi masih ramai lagi
yang masih menjenguk dari luarnya
rasa canggung melangkah kaki
ke taman yang asing bagi mereka
masa yang sama ada orang iri hati
kerana dengki melihat bunga yang kembang meriah
mereka pula merosakkan
taman yang diseri oleh bunganya
tapi pagar yang gagah dapa t menga walnya
namun sa tu dua kunturn dapat dicuri juga.

SIFAT ORANG YANG BERTAQWA

Takut pada Allah dapat dilihat pada mukanya
ingatannyapada Tuhan dapat dilihatpada bibirnya
syukurnya dapat dilihat pada tangannya
jihad dan silaturrahim dapat dilihat pada kakinya
dia ibara t merpa ti masjid
Quran dan sunnah suratkhabarnya
sembahyang jadi hobi dan hiburannya
puasa, adalah tarbiah dan latihan nafsunya
senyumannya adalah gembiranya
kata-katanya dicatu
bila diucapkannya bak mutiara yang gugur
keinsafannya airmatanya
rumahnya ibarat masjid
bukan muzium negara
makannya berkawan jarang berseorangan
kaya dengan manusia miskin dengan Tuhannya
dunia dipermudah, akhirat dipersusahkannya
renungannya jauh di luar batasan dunia
pusaka yang ditinggal bukan wang ringgitnya
tidak emas dan kebunnya
tapi akhlak atau ilmunya
atau anak-anak yang soleh
atau jalan hidupnya
untuk dilalui oleh orang di belakangnya.

TERASA TARBIAH DAN PENTADBIRANMU

Tuhanku!
di dalam cahaya bulan mengambang
malam terang
di dalam terang cahaya matahari siang
dunia terang
di angin sepoi-sepoi bahasa yang menyegar badan
badansegar
udara yang disedut setiap detik
nafas turun naik dada lapang
embun yang menitis, hujan yang turun
menghijaukan bumi
terasa kuasa dan nikmat-Mu.

Tuhanku!
pada gunung-gunung yang tersergam gagah
pada lautan yang luas saujana mata memandang
anginn ya yang menderu
ombak menggulung dan menghempas
melambung dan memulas
alam yang indah
pergantian malam dan siang
terasa tarbiah dan pentadbiran-Mu

Tuhanku!
di waktu angin yang menggila
memusnahkan apa sahaja
gunung berapi yang meledak
bettindak mengeluarkan laharn ya
laharnya mengalir merah bak darah

asap dan debunya
berterbangan memenuhi angkasa
halilintar suaranya memecah bumi
terasa kehebatan-Mu.

Tuhanku!
di wakto dapat menunaikan suruhan-Mu
di kala dapat meninggalkan larangan-Mu
terasa hidayah dan taufik-Mu.

Tuhanku!
di waktu ujian menimpa, sakit afau papa
umpatan dan kafa nista manusia
fitnah yang dilemparkannya
terasa pembersihan dosa dari-Mu.

Tuhanku!
bila seketika hidup mewah
orang sanjung puja se/a/u
nikmat melimpah-ruah bertalu-falu
terasa pin tu kejahatan di depan mataku.

Tuhanku!
bila pintu i/mu terbuka se/a/u
memahami mudah masuk ke kalbu
dapat diamal setiap waktu
terasa pin tu kebaikan telah Kau buka.

Tuhanku!
semuanya nampak datang dari-Mu
jika mata hati terbuka se/a/u.

PERTARUNGAN

Hati yang telah kenal Tuhan itu ingin menyembah-Nya
mentaati dan membesarkan-Nya
nafsu bimbang cuba menghaiang
bertarung dan berperanglah dua makhluk rohani ini:
hati diban tu oleh akal
nafsu diban tu oleh syaitan
pertarungan jadi sungguh hebat dan sengit
di dalam satu badan
Hati : Aku ingin sembah-Mu Tuhan -Aku ingin mem-
pelajari syaria t-Mu.
Nafsu : Aah! engkau muda lagi.
bila kamu hendak menikmati
dunia yang indah ini?
tunggulah, masa tua kan ada?
Hati : Tidak, aku tidak boleh bertangguh lagi
sekarang juga aku mahu menyembah-Nya
sebab tiada jaminan langsung
yang aku boleh hidup sampai tua.
Nafsu : Tidakkah engkau akan menyesai nanti?
Lihatlah semua orang buru dunia
nikmat keliling pinggang,
apa engkau sanggup miskin papa?
sedangkan engkau masih muda.
Ya mungkin engkau
mati muda,
tapi mungkin juga engkau akan mati setelah tua.
jadi, jangan melulu,
rebutlah nikmat yang di depan matamu dulu,
barulah fikir yang akan da tang.

Hati : Betul, aku tidak pasti apakah aku mati muda atau tua.
Tapi, an tara dua kemungkinan itu,
apa kata kalau aku mati muda?
padahal aku tidak buat persediaan?
tentu akan menyesal kemudian, tanpa kesudahan.
Nafsu : Betul katakau, tapi bukankah
Allah Pengampun dan Pengasih?
Allah itu Maha Pemaaf,
iaitu bila engkau bersalah,
engkau akan dimaafkan.
Kalau engkau tidak mahu buat salah,
un tuk apa Allah bersifat Pemaaf
Pengampun dan Pengasih?
Hati : (Buntu. Ada munasabahnya kata-kata nafsu.
Tapi kebenaran mesti ditegakkan.)
Maaf Allah hanya pada
orang-orang yang menyerah diri pada-Nya.
yang minta maaf atas kekurangan
dan keterlanjurannya.
Bukannya pada orang yang menderhaka pada-Nya
yang meninggalkan semua
kehendak dan perintahNya,
tapi mengharapkan kemaafan dari-Nya.
Nafsu : (Tetap tidak mahu mengalah.) Beginilah!
Ikut saia jalan tengah.
Nak sembah Allah, sembahlah
nak buat amalan akhirat, buatlah
Tapi dunia fikirkan juga
buatlah secara sederhana
jangan sampai dunia ditinggalkan .
jangan pula terlalu fikirkan akhirat
hingga kita papa kedana.
Untuk mendapatkan dunia tak usah banyak kira

bicara
apa yang boleh dapat, ambil saja
apa difikir halal haram
nanti susah kita
asalkan ibadah jangan disia-siakan
inilah dia jalan sederhana
bukankah Rasul menyuruh kita bersederhana
dalam semua perkara
"fifty-fifty" laa... akhirat mahu, dunia pun mahu juga.

Hati : (Hujahnya terus mati, dia tidak boleh berhujah lagi.) Dia rasa hujah nafsu munasabah sekali.

PERTARUNGAN SENGIT

Mujahid selalu sepi
di ran tau yang jauh
menyampaikan risalah dengan tabah
kadang-kadangpertarungan sengit
di dalam hati
di antara keluarga tercinta dengan meneruskan perjuangannya
oh! anak-anakku! oh, isteri-isteriku! sepinya
gangguan di da/am perjalanannya
seruan suci membisikkan ke telinganya
terus menusuk ke dalam hatinya
meneguhkanpendiriannya
Rasul, Sahabat, Tabi'in sudah tidak ada lagi
siapa akan menyambung perjuangan ini?
Islam agama suci
siapa akan menyucikannya daripada noda?
siapa menyuburkannya daripada layu?
aku pe waris pusaka ini
aku tidak boleh undur lagi
aku terhutang budi
bukankah aku Islam lantaran pejuang dulu?
bagaimana nan ti generasi di belakang hari?
aku akan teruskan perjuangan ini
untuk kupusakakan
kepada generasi di belakangku nanti
aku tidak boleh diam diri
anak-anakku, isteri-isteriku
aku serah kepada Tuhan yang mengawalnya
aku tidak akan tunduk kepada bisikan
yang mengganggu ini.

MEREKA TELAH MENJADI KUDA

Pemburu-pemburu dunia matanya celik
hatinya buta
mereka telah menjadi kuda
nafsu mereka penunggangnya
nafsu mereka telah menghalakan mereka
ke mana-mana saja
dengan bercemetikan syahwatnya
nafsu perintahkan mereka
rebut yang haram dan halalnya
setelah dapat dikongkong dengan semahu-mahunya
atau dileburkan ke tempat durjana
juga dibuang ke tempa t yang sia-sia
dia cemeti lagi
dia pecut kudanya lebih laju lagi
buru apa saja di depan ma ta
tak usah kira siapa punya
peduli siapa susah dan siapa teraniaya
yang penting pada kita miliki segera
punyai semua!
jangan kira apa orang kata
dunia ini kita punya
kuda ini ada yang patah kaki
ada yang mati di tengah perjalanannya
ada juga yang sampai ke matlamatnya
tapi sudah tua
akhirnya matijuga
dunia yang dikejar ditinggalkannya.

PERTARUNGAN SENGIT

Mujahid selalu sepi
di rantau yang jauh
menyampaikan risalah dengan tabah
kadang-kadang pertarungan sengit
di dalam hati
di antara keluarga tercin ta dengan meneruskan perjuangann ya
oh! anak-anakku! oh, isteri-isteriku! *sepinya*
gangguan di da/am perjalanannya
seruan suci membisikkan ke telinganya
terus menusuk ke da/am hatinya
meneguhkan pendiriannya
Rasul, Sahabat, Tabi'in sudah tidak ada lagi
siapa akan menyambung perjuangan ini?
Islam agama suci
siapa akan menyucikannya daripada noda?
siapa menyuburkannya daripada layu?
aku pe waris pusaka ini
aku tidak boleh undur lagi
aku terhutang budi
bukankah aku Islam lantaran pejuang dulu?
bagaimana nan ti generasi di belakang hari?
aku akan teruskan perjuangan ini
untuk kupusakakan
kepada generasi di belakangku nanti
aku tidak boleh diam diri
anak-anakku, isteri-isteriku
aku serah kepada Tuhan yang mengawalnya
aku tidak akan tunduk kepada bisikan
yang mengganggu *ini.*

MEREKA TELAH MENJADI KUDA

Pemburu-pemburu dunia matanya celik
hatinya buta
mereka tebh menjadi kuda
nafsu mereka penunggangnya
nafsu mereka telah menghalakan mereka
ke mana-mana saja
dengan bercemetikan syahwatnya
nafsu perintahkan mereka
rebut yang haram dan halalnya
setelah dapat dikongkong dengan semahu-mahunya
atau dileburkan ke tempat durjana
juga dibuang ke tempa t yang sia-sia
dia cemeti lag1
dia pecut kudanya lebih laju lagi
buru apa saja di depan ma ta
tak usah kira siapa punya
peduli siapa susah dan siapa teraniaya
yang penting pada kita miliki segera
punyai semua!
jangan kira apa orang kata
dunia ini kita punya
kuda ini ada yang patah kaki
ada yang mati di tengah perjalanannya
ada juga yang sampai ke matlamatnya
tapi sudah tua
akhirnya mati juga
dunia yang dikejar ditinggalkannya.

JANGAN JADI SEMUT PEROSAK BUNGANYA

Islam yang indah itu laksana bunga di taman
melihatnya menyejukkan mata
menyenangkan hati
menciumnya terbau wanginya
menyegarkan fikiran
pemuda Islam jadilah pagar-pagarnya
jangan jadi kumbang menyeri bunganya
atau jadilah lebah-lebah penghisap madunya
dipindahkan ke sarangnya
untuk faedah manusia
makanannya dan ubat penyakitnya
jangan jadi semut perosak bunganya
atau jadilah hujan penyuburpokok-pokoknya
agar bettambah subur dan banyak bunganya
jangan jadi api membakar pokok-pokoknya
atau melayukan bunga-bunganya.

LAGU PADANG PAS/R TELAH DINYANYIKAN OLEH SEMUA ORANG

Lagupadangpasir telah dinyanyikan oleh semua orang
Mukmin dan kafirnya, soleh dan fasiknya
dinyanyikan orang di merata-rata tempat
tidak kira di rumah Tuhan atau di tepi jalan
rentak lagunya dan seni suaranya tidak sama
satu sama lain mengikut iramanya
ada ren tak dondang sayang
ada gaya lagu mak inang
tidak kurang stail instrumen talnya
lagu yang melodi ini telah menjadi sumbang
macam nyanyian kumbang di da/am lubang
dia tidak berubah dengan hebatnya
menjadi rosak tidak mengikut lagu aslinya.

DIA LEBIH MAMPU DARIMU

Wahai diri mengapakah fikirkan masa depanmu?
di dunia ini
nasibmu di semua sudutnya
rezekimu, kesihatanmu, yang mengurusmu
bukan engkau yang menjadikan dirimu
ada yang menjadikannya
serahkan saja pada kebijaksanaan-Nya
Dia lebih mampu darimu
tak usahlah kaufikirkan tentang dirimu
Penciptanya lebih Bijaksana
lebih pandai dan lebih tahu mengurusmu
mengapa kaususahkan tentang nasibmu?
di masa panjang yang pendek
kesusahan itu belum menimpamu
bukankah engkau telah susah,
sebelum kedatangannya?
engkau menderita sebelum penderitaan menimpamu
jika kesusahan itu telah menimpamu
bukankah kautelah ditimpa oleh dua kesusahan?
kesusahan yang dulu dan kesusahan yang baru
betulkanlah semula sikapmu
agar jangan jahat sangka dengan Tuhanmu.

BUD/MU SESUAI DENGA NAMAMU

Fadhil sahaba t baruku
yang baru kukenal
da/am lawatanku ke Canberra
di da/am tugas dakwah
aku tidak sangka budi baikmu
padaku dan rombonganku
budimu sesuai dengan namamu
pandai ayahmu memberi nama
khidmatmu sejak di Canberra lagi
hingga ke Melbourne dengan tidak jemu-jemunya
masalah kami kautanya selalu
kaumasakkan nasi on tuk kami
tanda menghormati ‘dhuyuf’mu
kaupandu kereta siang dan malam
tanpa mengantuk
tanpa memperlihatkan letih dan lesu
mengurusperjalanan kami
fisabilillah, di dalam siri dakwah
dengan riang gembiranya
jasamu tetap kukenang
dalam suratan hatiku
aku abadikan buat selama-lamanya
tanpa membalasnya
aku harap kau"claim”lah nanti
di akhirat kelak, dari Tuhanmu
balasannya tentu lebih istimewa
dari apa yang mampu aku berikan.

IMAN MAKIN MENEBAL DI DADA MEREKA

Perwira-petwira agama telah muncul di sana-sini
srikandi-srikandi juga ikut serta di dalam barisan itu
mereka telah sibuk menyiapkan diri
meletus di mana-mana
meletus di negara sendiri
se tiap daerah dan negeri
juga muncul di 'oversea"
Amerika, London, Australia, Thailand dan New Zealand
si kafir telah mu/a buka ma ta
para munafik tidak senang hati
golongan fasik mu/a bertindak sesuka hati
macam-macam fitnah ditimbulkan
berbagai tuduhan dilemparkan
bermacam-macam bentuk halangan dilakukan
namun perwira dan srikandi bertambah bilangan
iman makin menebal di dada mereka
semangat mereka bertambah waja
golongan yang tidak senang makin bimbang
fikiran mereka kusut
macam orang tidak siuman.

IMAN T/DAK BOLEU DIPUSAKA

/man itu sangat berharga
hatta yang bukan harta
modal hidup di negeri fana dan baqa
harta yang tidak boleh dilihat
tandanya ada, macam asap dari api da/am sekam
tanda iman pada tangan, pada kaki, pada mata
pada mulut dan pada gerak-geri
itulah syiar hidup di mayapada
iman itu tidak boleh diberi
tidak boleh dipusaka
tidak boleh dijual-be/i
tidak boleh dihadiah pada sesiapa
kena mujahadah mencarinya
kalau boleh diberi dan dipusaka
masakan Aristotles wazir Zulqarnain kafirjadinya
Qarun sepupu Nabi Musa derhaka matinya
ayah Nabi Ibrahim ingkar dan mungkar pada Tuhannya
isteri dan anak Nabi Nuh menentang perjuangannya
Firaun ayah angkat Nabi Musa kafir matinya
Abu **Lahab** *paman Nabi kita macam Firaun matinya*
iman tidak dapat diberi dan dipusaka
kenalah berusaha mencarinya.

POKOK YANG DITEMBOK OLEH JASAD INSAN

buah-buah yangpokoknya tersembunyi
teiah lahir dengan banyaknya
pokok yang telah ditembok oleh jasad insan
pokok-pokok ini amat banyaknya
tapi tidak nampak
banyaknya sebanyak insan di mayapada
pokok-pokok yang melahirkan buah ini telah rosak
menjadikan buah-buahnya turut rosak
ada yang pahit bak hempedu
ada yang terlalu manis bak madu
bila dimakan terus tersedak
hidung pedih dada sebak
ada yang bergetah di samping kelatnya
bila dimakan ba tuk-batuk saja
ada yang memabukkan memeningkan kepala
ada yang mengkudiskan badan bila terkena
ada buahnya terlalu busuk
tercium baunya loya tekak
tidak kurang juga buahnya berduri
mengait manusia setiap hari
pakaian di badan habis koyak
badan yang terkena garunya
darah menitis jatuh ke bumi.

ORANG YANG KALAH DALAM PEPERANGAN DING/N

Kalau kita berbuat orang tidak senang
kalau kita bertindak membangunkan syiarnya
orang memfitnah
kalau kita berkafa, ada orang yang takut mendengarnya
setta menghalang orang lain juga
kalau kita berbicara riuh-rendah suaranya
kalau diajak muzakarah dia berbalah
dia saja yang memborong masanya
cepat naik darah
suara orang lain buat-buat tidak faham mendengarnya
kalau kita berbuat dulu kemajuan yang perlu
mereka kata tidak per/u
sebenarnya golongan mereka tidak mampu
inilah dia orang yang kalah
di da/am peperangan dingin
akhirnya tidak “sporting”dalam perjuangan.

KIAMAT YANG BELUM KIAMAT TELAH TERJADI

Manusia membangun dengan pesafnya
membuat kemajuan dengan banyaknya
membuat kemudahan-kemudahan hidup
dengan heba tnya
membangunkan negara dengan can tiknya
timbul angkuh membusung dada
berlagak di bumi dengan angkuhnya
lupa Allah lupa akhirat
menghina manusia yang mundur darinya
cakap besar jadi amalannya
belum sampai masa kiamat oleh Allah yang Berkuasa
mereka laksanakan kiamat sebelum kiamat
mereka runtuhkan bangunan yang dibanggakan
dengan born-born buatan mereka
dengan senjata-senjata mereka membunuh diri
perbuatan mereka memakan diri
menghancurkan kemajuan yang mereka bina sendiri
kiamat yang be/urn kiamat telah terjadi
mereka lakukan sendiri
kerana hati telah buta
perbuatan itu tanpa disedari
mereka menghukum diri sendiri
sebelum hukuman dari Ilahi.

AKHIRZAMAN YANG PUNYA WA TA K SEND/RI

Akhirzaman yang mempunyai watak sendiri
mencip ta apa saja
dari kemudahan-kemudahan darat
hingga kemudahan udara
boleh duduk di darat
boleh juga duduk di udara
dapat mengambil apa yang di da/am bumi
dapat mengesan apa yang tidak nampak di mata
aduh! manusia kini hebat sekali
tapi apa sudah terjadi?
tabiat manusia punah-ranah
bak rumput-rumput busuk di bumi
isteri-isteri laksana orang politik da/am negara
membuat polisi sesuka hati
memberi arahan apa saja
suami-suami pegawai tadbir menjalankan polisinya
ibu ayah rendah diri
pada tuan rumah yang dibesarkannya sendiri
bak orang-orang gaji di rumah men teri
tuan besarnya boleh perintah sesuka hati
murid-murid bak buruh depan gurunya
boleh kata sesuka hati
boleh demons trasi di tempa t mengaji
macam buruh-buruh menuntut naik gaji
Allaaah! Allaaah! sedihnya
segala-galanya telah beralih dan berubah
yang di atas telah terkebawah
masing-masing tidak duduk di tempatnya lagi.

JAHILIAH TELAH MUNCUL SEKALI LAGI

Jahiliah telah muncul sekali lagi
maksiat menjadi-jadi serata bumi
macam cendawan tumbuh di waktu hujan
perempuan hilang malunya
boleh berkata pada sesiapa I love you!"
orang-orang besar mentang-mentang besar
cakap besar
makan pun besar
bertindak sesuka hati
mengikut nafsu bukan wahyu
membunuh anak terjadi di merata bumi
bukan dengan pedang atau parang
tapi dengan alat sains teknologl
lahirnya macam tidak terjadi
caranya halus sekali
perjudian menjadi hobi
macam ketagih rokok luar negeri
arak sangat digemari
macam air sejuk diminum orang setiap hari
mudah dibeli walau harganya mahal
tempat hiburan kupu-kupu malam
di dalam suasana kelam-kelam
lelaki menyerah diri
macam masuk di biiik-bilik tempa t is teri
pergeseran dan peperangan setiap hari
ketakutan mencengkam hati.

YAHUDI, ROM DAN FARSI TELAH MENJELMA DI MANA-MANA

Yahudi, Rom dan Farsi telah menjelma di mana-mana
menjelma di da/am berbagai-bagai bentuknya
pada bangsa atau kaum di setiap negara
menjelma pada orang Cina, India dan Melayu juga
orang-orang Arab lebih teruk dari kita
juga di dalam rumah macam jin menjelma
tidak pilih rumah itu siapa punya
orang kaya, miskin atau papa-kedana
dia ziarah juga ke rumah alim ulama'
kadang-kadang di rumah Allah dia datang juga
di sekolah-sekolah tidak payah kira,
memang sarangnya
kilang besarnya mencetak manusia jadi wataknya
walaupun bentuk baru bukan ben tuk bma.

Akhirnya Yahudi, Rom dan Farsi memenuhi dunia
Yahudi, Rom dan Farsi menjelma juga dalam pakaian
di dalam perabot dan makan minum pun sudah ada
di majlis nikah kahwin juga serta
bahkan lebih hebat di mana-mana
sekali-sekala dia singgah juga di pengajian agama
hingga tafsir Al Quran dan hadis pusaka lama
sudah terpesong dari maksud yang sebenarnya
Masya-Allah! tepat sekali sabda Nabi
di akhir zaman manusia hidup
seperti Yahudi, Rom dan Farsi
Yahudi, Rom dan Farsi yang bukan Rom, Farsi
tapi akhlaknya dan corak hidupnya memenuhi bumi.

ROM DAN FARSI MODEN MENGUASAI BUMI

Kefenangan sudah tidak ada di kamus hidup
manusia resah-gelisah, tidak tentu arah
macam u/at da/am cuka
Rom, Farsi dan Yahudi moden menguasai bumi
mental, fizikal dan ekonomi
dengan rakus dan sombongnya
macam singa-singa dengan mangsanya
boleh caing-caing dan ratah-ratah bila waktunya
siapakah sahabat akhir zaman ?
tabi'in zaman teknologi?
tabi'it tabi'in zaman kini?
yang akan bangun menghancur jahiliah ini?
meruntuhkan Rom, Farsi dan Yahudi zaman ini?
di zaman sains teknologi?

THAGHUTADA DI MANA-MANA

Kalimah thaghut telah dilaung di mana-mana
dia telah jadi “rubber-s tamp ”
untuk dicap kepada sesiapa
yang tidak menegakkan Islam di da/am negara
mereka tidak faham erti thaghut yang sebenarnya
kerana semangat tanpa belajar
sebab itu dia dicapkan
kepada sesiapa yang ada hubungan dengan negara
thaghut ertinya derhaka
atau syaitan yang tercela
derhaka bukan berhubung dengan negara saja
boleh berlaku di mana-mana
boieh terjadi di setiap ketika
tidak kira masa dan tempatnya
di dalam semua hal kehidupan manusia
thaghut boleh berlaku di dalam diri kita
tidak ketinggalan di rumah kita
di dalam pergaulan juga ada
di dalam jemaah dan perjuangan berlaku juga
di dalam ekonomi dan pendidikan yang sekular
di dalam perkataan dan perbua tan macam syaitan
di dalam pakaian dan kenduri-kendara
yang tidak mengikut sunnah Nabinya
bahkan dalam semua hal
yang tidak mengikut hukum Tuhan
kadangkala thaghut yang kita laungkan
kena pada diri kita
ingatlah, thaghut ada di mana-mana
di dalam semua ehwal kehidupan manusia.

AKHLAK MEREKA MENYAPU BUMI

Telah kuziarah ke negeri orang putih kafir
England, Amerika dan Rom
Greek, Australia, NewZealand
wahl negeri bersih, indah dan menarik
lihat di udara bak permaidani indah
lihat di bumi bak taman yang cantik
jalan raya luas, lurus menarik
pekan dan bandarnya tersusun dan teraturnya
bersihnya tidak ada sampah jatuh ke tanah
tandas bersihnya bak kamar tidur
tidak ada yang jijik, tidak ada yang jelek
gunung-ganangnya tersergam indah
indah dan cantik dengan megahnya
pembangunan pesat dengan teraturnya
alat-alat hidup mudah dan mewah
orang Islam yang menilai dengan mata lahirnya
melihat lahirnya terpesona dan asyik
dipujinya orang barat setinggi-tingginya
dihinanya bangsa sendiri
orang Islam yang hatinya celik
melihat barat terlalu jelek
akhlak mereka jatuh terlalu buruk
bercium bercumbu di khalayak ramai
macam ayam dan itik
pakaiannya telanjang hilang malunya
bak kambing, lembu yang tidak berkebudayaan
anak-anak belasan tahun meninggalkan rumah
meninggaikan ibu ayahnya dengan penuh benci
mereka menganggap datang ke dunia kerana terpaksa
apa guna hormat kepada ibu bapa

perempuan-perempuan mereka laksana lelaki
membuat kerja apa sahaja
meninggalkan rumah sebebas-bebasnya
kebahagian rumahtangga sudah tiada
pergaulan bebas lelaki perempuan
tanpa batas yang menyekatnya
seperti haiwan-haiwan tidak ada akal
program suami isteri, isteri menentukan
jika dia tidak mahu
dianggap suami merogolnya
perbuatan itu haram "disue"di mahkamah
jiran dengan jiran tidak kenal-mengenal
seperti duduk berjauhan
adakalanya jiran mati
satelah berbau busuk baru dia tahu
hidup nafsi-nafsi telah menjadi tradisi mereka
perhubungan mereka hanya dengan alat kehidupan
masyarakat mereka sudah tidak ada lagi
kerana kasih sayang sudah mati dalam hati
buruk sungguh kehidupan orang barat
kemajuan tinggi sekali
akhlak mereka menyapu bumi.

AKHLAK YANG MULIA IBARAT BUNGA

Akhlak yang mulia ibarat bunga
fitrah manusia tertarik padanya
senang dan tenang melihatnya
yang merah, hijau, biru, putih, tidak kira
bunga raya, bunga cina, anggerik sama saja
sebab itu bunga mendapat tempat
di da/am masyarakat manusia an tarabangsa
dia ditanam di taman-taman
teris timewa, di bandar-bandar dan pekan
dibariskan di sekeliling rumah
digantung atau diletakkan
dipara-para yang tersusun indah
menjadi pengan tin di tengah majlis
'begitulah akhlak yang mulia
walau mahmudah yang mana
yang telah disebutkan di da/am syariat
syukur, redha, sabar, tawadhuk, pemaaf, pemurah
kasih sayang, mesra, lemah-lembut dan lain-lainnya
disenangi oleh Allah, Anbia'dan Aulia'
disukai oleh yang soleh dan toleh
diminati oleh Mukmin dan kafir
lelaki dan perempuan
tua dan dewasa
muda dan kanak-kanak
tanamlah bunga rohani di dalam dir-i
jangan semata-mata menanam bunga yang maddi.

MALANG MENIMPA-NIMPA

Obor dunia telah malap
setengahnya telah padam sama sekali
yang malap minyak di dalamnya hampir kehabisan
yang padam kehabisan sama sekali
atau dimasuki air pengganti minyak
seren tak dengan itu
payung-payung taman tidak berkembang lagi
penghuni-penghuni taman
ditimpa hujan dan panas matahari
malangmenimpa-nimpa
bank masyarakat sudah tidak berfungsi lagi
fakir miskin terbiar setiap hari
kehidupan masyarakat tidak teratur lagi
berampuk sama sekali
ketakutan menekan hati
semua penghuni taman jiwa menderita sekali
sekalipun yang punya rumah pagar besi
atau tembok yang tebal sekali.

JIWA DERITA
SEBELUM SEGALANYA TERJADI

Jangka panjang yang pendek
masa depan yang terbafas sangat ditakuti
oleh manusia zaman sains teknologi
bila tua siapa membiayai?
selepas 55 tahun sara hidup adakah pasti
kalau sakit siapa mengurusnya
adakah anak nanti?
kalau ada, apakah mereka taat setia?
mungkinkah dapat isteri?
atau tidak menjadi orang besar lagi?
atau isteri adakah hidup di waktu itu?
kalau tidak ada siapa penggan ti?
masa muda yang telah ditelan zaman
fenaga muda yang telah pergi
tak usah mimpi akan kembali
jiwa derita sebelum segalanya terjadi
mereka lupa adakah mereka hidup di waktu itu?
inilah sejenis penyakit jiwa
kerana lupa Allah dan lupa mati.

BAHASA NAB/
TELAH D/TUTUR OLEH SESIAPA

Bahasa Nabi telah ditutur oleh sesiapa
tidak kira Mukmin, kafir bermacam jenis
bahasa Nabi telah dimiliki oleh semua
yang solehnya yang tolehnya
yang Muslimnya dan yang munafiknya
yang kafir ibarat membubuh racun dalam gula
si munafik kerana mempertahankan kedudukannya
yang toleh kerana 'trend" zamannya
si Muslim kerana fanatiknya
si Mukmin kerana keyakinan dan prinsip hidupnya
bahasa Nabi telah ditutur oleh semua
problem yang timbul di dalam masyarakat Muslim masakini
banyak mengelirukan para Muslim yang jahilnya
kerana bahasa Nabi telah ditutur oleh semua.

MUSLIM NAMA
SUDAH MULA SAKIT MATA

Muslim nama sudah mula sakit mata
munafik zaman sudah mula sakit hati
si kafir sudah mula memerhati
melihat Muslim bangun kembali
purdah dan mini telekung menghiasai negeri
ibarat bendera yang berkibar setiap hari
jubah dan serban syiar llahi
tarbiah dan usrah ghairah sekali
majlis-majlis ibadah diminati
rumah Tuhan sudah mula *dipenuhl*
orang lain juga mencoraknya
tetapi berlainan sekali
kerana ada *yang mencabarnya*
cabar-mencabar da Pam praktikalnya
bukan dengan *teori*
petanda baik buat Mukmin masakini
wahai pembangun Islam
lipatkanlah tenaga
teruskan perjuangan
hingga Allah menentukannya.

MEREKA TELAH MATI
SEBELUM MATI

Rumah besar, motokar menjalar membutakan mata
pangkat besar, gaji besar, bintang di dada
mematikan hati
nyanyian melodi, yang merdu memekakkan telinga
gadis-gadis cantik berkeliaran tanpa haluan
memenuhi bumi Tuhan ini tidak keruan
mempesona, merangsang nafsu, membunuh akal,
mematikan jiwa
aduh! rosaknya manusia di zaman kini
matanya buta hatinya mati
telinga pekak akal singkat sekali
walau ada degri, ijazah luar negeri
ksbanyakan manusia kini umpama rangka bernyawa
tidak boleh dinasihat lagi
mereka telah mati sebelum mati.

HAMPIR H/LANG AKALNYA

Pakaian jubah serban telah mu/a dapat tempat
mini telekung juga purdah merata negeri
hingga sampai ke da/am universiti
di dalam dan di luar negeri
orang yang anti Islam telah mula sakit mata
dari sakit mata membawa kepada sakit hati
setengah mereka sakitnya amat tenat sekali
hingga sakitnya menjangkit ke kepala
mereka sudah meracau-racau dan mengata-ngata
macam dirasuk jin mata merah
mereka suka pakaian yang mendedah betis dan peha
juga dada dan kepala
mereka dapat melihat dengan percuma
tanpa bayar sesen duit poketnya
mereka lupa larangan Allah, neraka padahnya
hati mereka terhibur dengannya
mata mereka senang melihatnya
bila purdah dipakai orang
peluang "free" tak ada lagi.

MATERIAL TELAH MENJADI TUHAN

Di kedai-kedai kopi
di warung-warung menjual mee
tempat pertemuan yang tidak rasmi
di anjung-anjung surau dan masjid
tempat perbincangan penghuni selepas solat
terutama maghrib
bersandar dan berlunjur melepaskan penat
sambil melepaskan asap rokoknya
berkepul-kepul naik menjelagai atap-atap
surau dan masjid
di selangi sorak-sorai dan gelak ketawa
yang mengilai-ngilai
di celahi bualan yang melihatkan
kelebihan dan kebesaran
di antara bualan-bualan itu
anak you berapa orang di universiti?
anak I tidak lama lagi pulang dari luar negeri
membawa degri ekonomi
anak perempuan kawan kita itu dia baru bersuami
wah dia bertuah sekali
menantu barunya eksekutif
kelulusan luar negeri
di hujung sekali di penjuru masjid
terdengar suara menelingkahi
I sungguh malang sekali
anak-anak I tidak ada yang menjadi
menantu-menantu I semuanya kuli
seorang yang berlunjur di tangga mencelah pula
kelebihan tidak sama di antara kita
kalau anak you tidak menjadi

you kan peniaga yang berjaya
macam I lah tidak ada degri
anak hanyakan swasta
tapi I ada rumah sewa
memang nasib kita kan tidak sama
seorang yang lain mencelah puia
begitulah perbualan setiap hari
di waktu-waktu rehat
di warung-warung di kedai kopi
di madrasah-madrasah dan masjid-masjid
di pelusuk negeri
ah! malangnya Tuhan tidak dipersoalkan lagi.

•

PAYUNG TEMPAT BERTEDUH SUDAH T/DAK ADA LAGI

Orang-orang Islam hari ini malang sekali
payung tempat berteduh sudah tiada lagi
terdedah oleh hujan dan cahaya matahari
kadang-kadang panasnya membakar teruk sekali
merosakkan tubuh badan yang sihat sebelum ini
adakalanya badan menggelatuk
oleh sejuknya yang mengganas sekali
bank-bank masyarakatnya sudah tidak berfungsi lagi
masyarakat Islam terbiar setiap hari
papa-kedana di mana-mana
orang lain mengambil kesempatan memberi
pemberiannya bak racun yang disaluti gula
penasihat-penasihat umat telah jahat
nasihat-nasihat tidak diberi
atau diberi mengikut masyarakatnya
nasihatnya tidak ada apa-apa erti
sabar si miskin sudah tiada lagl
hati keluh-kesah setiap hart
orang kaya dihasad dengki
doa mereka sudah tidak kabul lagi
pendidik pertama dan utama tidak amanah
mereka bekerja di luar rumah
anak-anak kandungnya akhlaknya punah
kasih sayangnya telah berpindah
daripada ibunya kepada orang gaji
bila gejala-gejala ini terjadi
masyarakat Muslim telah berubah
yang ke atas telah terke bawah
masyarakat Muslim punah-ranah.

HARIMAU SARKIS

Orang-orang Islam bak harimau garang
menguasai hutan be/antara dengan merdekanya
segala binatang-binatang hutan tundukpadanya
dia boleh menguasai apa saja
dia boleh memilih mana binatang yang dia suka
tapi bila dia jadi harimau sarkis
dibuatkan rumah di dalam kandang
adakalanya dirantai leher
diberi makan dan minum dengan percuma
diberi rumah tanpa sewa
dia bangga dengan jayanya
tapi dia makan minum
tanpa pilihan
kadang-kadang barang busuk terpaksa dimakan
di samping gelanggang hidupnya sempit sekali
belangnya walaupun tidak hilang
taringnya masih tajam
tapi tidak boleh bertindak lagi
adakalanya pada tuannya dia radang
boleh jadi makanan lambat diberi
atau kerana hidup membujang
atau diberi makan tidak kenyang
dia pun mengamuk dengan berang
ngaum suaranya memecah bumi
tuannya macam hendak diterkam
tapi kayu tas pada tangan tuannya
bila ditunjukkan padanya,
dia menundukkan kepala kembali
inilah dia harimau sarkis
walaupun boleh tunjuk garang
tapi kemerdekaannya sudah tidak ada lagl.

TUNGGULAH MASANYA

Suara dari padang pasir telah memberitahu
suara dari lidah sayidil mursalin
umat Islam menegakkan ummah dua kali
zaman salafussoleh yang sudah
dan zaman lmamul Mahdi dan Nabi Isa yang dinanti
kalipertama telah terjadi
tiada siapa boleh menafi
kerana sejarah telah mencatitkan
kali kedua pasti terjadi
kerana Sodiqul Masduq telah membuat berita
tunggulah masanya
di antara dua ummah hanya ada thoifah
thoifah yang menggabungkan rohaniah dan zahiriah
selain itu thoifah yang salah
selagi dua pemimpin besar itu belum muncul lagi
tidak ada sebarang pemimpin yang boleh menegakkan’
ummah
tapi memperjuangkan ke arah itu tidak salah
selain dari dua pemimpin itu tidak akan berjaya
kalaupun berjaya hanya menegakkan thoifah
menegakkan Islam dalam kalangannya
itupun tidak semua yang berjaya
untuk dalam negara tidak akan terjadi
pandangan ini siapa pun jangan marah
kerana ini adalah telahan dari Nabi penyudah.

MASA HARTA YANG BERHARGA

Masa harta kita yang berharga
tapi tidak terasa
bila tidak digunakan dengan baiknya
dia hilang percuma
bererti hilangnya umur kita dengan sia-sia
dia memedang kita setiap ketika
tapi tidak terasa
kerana halusnya
kehilangannya lebih berharga dari permata
hilang permata bobh dicari
atau diganti dengan membelinya
hilang masa tidak boleh dicari
dan tidak dapat gantinya
sekalipun kita menangis mengeluarkan air mata darah
jagalah masa dengan baiknya
agar umur kita tidak sia-sia.

KEBUN YANG KUBINA

Kebun yang kubina
dengan kawan-kawan yang setia
telah menjadi luasnya
pokok-pokoknya telah banyak dan subur
bunga-bungan ya telah bertabur
keindahan kebun ini telah menawan hati
orang-orang ramai telah datang berhibur
kebun ini dari sehari ke sehari
bertambah luasnya
kerana banyak kawasan-kawasan baru
yang mula diteroka dan dibuka
oleh kawan-kawan yang setia
juga para simpati yang serta
walaupun aku yang mengusahakan
bersama-sama kawan dan simpati,
tapi Allah/ah yang menjayakan
aku panjatkan kepada-Nya penuh kesyukuran
kebun yang luas ini
pokok-pokoknya pula yang telah bertaburan
buah-buahnya telah boleh dimakan
aku bimbang tidak dapat memagarnya
lemah mengawal dan menjaganya
susah mengurusnya
kerana luasnya.

Moga-moga Allah membantu aku
c *mendatangkan golongan "Hawari" sepetti di zaman*
Musa yang Nabi
golongan Ansar di zaman Sayidul Mursalin.

ALANGKAH SEPINYA DUN/A INI

Alangkah susahnya mendapat kawan
bukan kenalan
di akhir zaman ini
berpunca dari hati
hati telah rosak sama sekali
kerana dunia memautnya
alangkah susahnya mencari kawan
kebaikan kita disoroknya
bahkan didengkinya
kejahatan kita dicanangnya
merata negeri
kesalahan yang sedikit dibesar-besarkannya
yang besar apatah lagi
alangkah sepinya dunia ini
walaupun hidup di tengah masyaraka tnya
kerana kawan sudah tidak ada lagi
yang ada hanya kenalan di kedai kopi.

UKURLA H DIRI SEND/RI

Saudara
ukurlah diri sendiri
bila nikmat datang kepada kita sudahkah dibagi-bagi?
bila ujian menimpa kita adakah kita rasa berdosa?
bila mengenang masa depan kita
sudahkah pada Allah menyerah diri?
bila kita membuat dosa
adakah jiwa merasa terseksa?
bila kita seorang diri
adakah merasa Tuhan memerhati?
bila kita berlaku taat
adakah merasa Allah memberi?
bila nikmat pada orang lain
adakah rasa hasad dengki?
bila ada orang miskin adakah rasa simpati?
bila ada orang membuat mungkar
adakah ingin menasihati atau kita caci-maki?
bila orang caci kita adakah kita sakit hati?
bila orang puji kita adakah kita berbunga hati?
atau caci dan puji sama saja, tidak rasa apa-apa
bila kita mengenang dosa, adakah mengalir airmata?
bila disebut nama Allah adakah gementarjiwa kita?
bila teringat neraka adakah merasa tercabut nyawa?

APAKAH TERJADI DENGAN SEND/RI?

Cincin yang cantik menarik sekali
dengan indahnya di atas jari
sewaktu-waktu diam saja
di atas jari bukan dia letakkan dirinya
gerak dan diamnya bukan olehnya sendiri
bukankah tangan yang mebtakkan dirinya
juga yang menggerak dan mendiamkannya
begitulah alam ini
pergan tian ma/am dan siangnya
gerak dan diamnya, gempa bumi dan banjirnya
angin kencang dan sepoi-sepoi bahasanya
pasang surut iautannya
sejuk dan panas cuacanya
gerhana bulan dan ma tahari
apakah terjadi sendiri?
apakah dia menggerakkan dirinya sendiri?
tanpa sebarang kuasa yang menjadikannya
mustahil sekali
akal yang waras tidak mahu menerimanya
mengapa golongan “naturalist” tidak ambilperhatian
malang o tak mereka terbuka
tapi ha ti mereka mati
hingga perjalanan alam ini mereka tidak mengerti.

LUPA DIRI

Alangkah sedihnya hati ini
melihat gelagat manusia
yang telah lupa diri
ialah penciptanya.

Politik percaturannya
ilmu dunia menjadi perhitungan
pangkat besar buruannya
rumah besar idamannya
perkara yang melalaikan hobinya
sesungguhnya dunia telah menjadi matlamat mereka
akhirat dilupakan.

PUSAKA LAMA

Pemuda-pemudi Islam telah mula bangun
dari tidur kelalaiannya
mereka telah menjaga pusaka lama
yang dipusakai okh datuk mereka yang silam
agama /slam namanya
mereka telah sedar Islam adalah ibarat buah
yang manis rasanya
yang mesti dijaga
bahkan mesti ditanam dan dibiakkan
selama ini mereka lupa memakannya
menyangka buah itu pahit rasanya
sebab itu mereka membiarkan
kerana terpengaruh dengan buah yang diimport
dari luar
yang nampak can tik dan menarik pada lahirnya
buah-buah dari luar ini diiklan dengan sewajarnya
hingga tidak tahu buah tempatan manis dan lazat
bila tahu buah tempatan lazat dan manis rasanya
amat kesal kepada media-massa yang mengiklan
pusaka lama yang tidak ternilai harganya.

NAFSU

Alangkah susahnya menjaga nafsu
derhaka se/a/u pada Tuhannya
memberontak se/a/u bak koda liar
susahnya mengawal dan menjaganya
hendak aku kurung tidak nampak badannya
hendak aku tonton tidak nampak hidungnya
hendak aku piat telinganya dia tidak bertelinga
hendak aku ajar dia tidak mengerti
kerana tidak ada otak dan telinga
hendak aku tunjuk jalan dia tidak bermata
hendak aku ikat kaki dan tangannya
kaki dan tangan tidak ada.

Alangkah sosahnya mengawal nafsu
yang tidak berotak dan bertelinga
yang tidak ada hidung dan bermata
yang tidak berkaki dan bertangan
tapi ada kemahuannya
aku harap imanlah mengawalnya
aku hanya berusaha mendidik
se taka t yang mampunya.

INILAH SEBAHAGIAN SIFAT MAHMUDAH

Ikhlas itu jiwa yang murni
rahsia Allah di dalam hati
terlalu sembunyi
tapi dapat dikesan juga
jika disuluh dengan saksama
nista dan puji tidak berbeza
redha sifat hati yang murni juga,
ujian yang tibarasa gembira
atau fiada terasa
kerana menerima anugerah Tuhannya
sifat sabar sedikit berbeza
ujian yang menimpa sakit dirasa
tapi dapat ditahan perasaannya
hanya bermain di dalam sahaja
di luar tidak nampak nyata
zuhud juga sifat yang mulia
mudah dicerita susah dipunya
tandanya hati dapat mesra
ada dengan tiada serupa saja
miskin dan kaya hati tidak berbeza
qanaah sifat yang menjadi kaya
memadai apa-yang ada
tiada memikirkan apa yang tiada
apa yang ada puas rasanya
iniiah dia jiwa yang kaya
kerana hajatnya sedikit sahaja
inilah sebahagian sifat mahmudah
yang *patut ada pada kita.*

MANUSIA JUGA SEAKAN-AKAN BURUNG

Burung keluar pagi pulang pefang
di waktu keluar dari sarangnya
sambil berkicau merdu suaranya
muzik asli menenangkan hati
perutnya kempis tiada isi
pulang berisi dengan penuhnya
tiada membawa bekal kerana tawakalnya
di dalam pergi dan pulangnya
ada yang selamat ke sarangnya
ada yang mati sampai ajalnya
keadaan matinya tidak sama
berlain-lainan sebab yang menimpa
bila mati tamat riwayafnya
tidak ditanya bagaimana hidupnya
manusia juga seakan-akan burung
pagi keluar petang pulang
yang agak berbeza, ada akal fiada sayapnya
bila pulang ada bekalnya
bila bergaduh berkawan-kawan
membunuh lawan dengan senjata buatan
burung semata-mata di antara berdua
tidak menggunakan seniata
kecuali senjata asli
manusia juga macam-macam sebabnya
macam burung tadi juga
bila mati hidupnya bersambung
hidup di dunianya akan ditanya
di hadapannya ada syurga dan neraka.

KITA MERASA ANEH

Umat Islam celik da/am kebutaan
ingin selamat tidak nampak jalan
pemimpin-pemimpin ingin aman damai
bersatu dan harmoni
tapi mereka berkata sesuka hati
menuduh, mengumpat, memfitnah sesama sendiri
ukh wah makin terbarai dan berkecai
kita merasa hairan
ditiup semangat pada umat
disemangatkan jiwanya un tuk ketahanan
agar membangun dan berdikari
tapi lagu-/agu pembunuh jiwa disuburkan
pergaulan bebas tidak disekat
dimaju dan digalakkan setiap hari
jiwa yang subur mati ***semula***
hati yang murni musnah kembali
jiwa mereka tidur kembali
setengahnya jiwanya terus mati
ketahanan hanya slogan semata-ma ta
kita rasa pelik sekali
inginkan bersih, cekap, amanah
agar dapat membangun ummah
supaya kemajuan sampai matlama tnya
malangnya cara tidak diberi
jalannya tidak direntangkan
semata-mata kepakaran dan wang yang difikirkan
iman dan taqwa tidak masuk bilangan
kata-kata keramat ini tidak ada kesan
rasuah dan penyalahgunaan kuasa menjadi-jadi
pencuri tenaga, masa dan wang ringgit setiap hari

kalaupan sampai ke tempat kerja tepat masanya
kerja lambat juga rehat di atas kerusi di depan meja
cekap, bersih, amanah tingga/ laungan sahaja
kita bingung dibua tnya
jangan kerana hasad dengki
boleh jadiperjuangannya telah berubah konsepnya
dalam pada itu terdengarpula orang ka ta
ehh! Al Arqam telah sekular
telah berdamping dengan kerajaan pula
keretanya besar-besar belaka
malang Al Arqam telah memburu dunia
sekali lagi kita terkejut dibuatnya
mereka yang berkata
setengah-setengah msreka
anak mereka yang ada sijil atau degri
bekerja di jabatan kerajaan punya
mereka yang bekerja
ada yang guru ada yang kerani
di pejaba t yang mereka benci
yang mereka kata sistem thaghut dan sekular
yang anehnya driver orang besar juga ada
yang membangunkan sistem taghut dan sekular
serbannya masih ada di kepalanya
kalau di belakang dia mengata
setengah mereka rokok-rokok masih di mulut mereka
asap berkepul setiap hari
memenuhi madrasah dan masjid laksana kilang pula
menjelagaiatap-atapnya
dalam pada itu kita dengar lagi
apa nak jadi sekolah Al Arqam?
suasananya tidak sempurna
jaminan tidak ada
kita terkejut sekali lagi
melihat mereka yang berkata ini
anak-anak mereka dihantar ke sekolah sekular

Yang mereka kata thaghut pula
akhlaknya sudah menjolok mata
kerjanya pula bukanlah istimewa
setengahnya menganggur juga
lagu-lagu radio dan televisyen
penghibur ha ti mereka
yang mereka caci dan kata da/am perbualan setiap hari
mereka ini serba salah kita dibuatnya
maklumlah kita jauh dengan Nabi
hasad dengki menjadi-jadi
ego dan sombong merata negeri
masing-masing ingin ***nama***
banyak kritik orang punya
kononnya nasihat
yang sebenarnya mengumpat yang berdosa.
ingin Islam mendapat tempat
untuk diserapkan di dalatn pentadbiran
tapi dakwah masih disekat di setengah tempat
pengajian Islam be/urn tepat
amalannya belum dapat tempat
kita tidak faham dibuatnya
banyak umat Islam menyebut identiti sendiri
pakaian orang pakaian kita
akhlak orang akhlak kita
pen tadbiran orang pen tadbiran kita
pendidikan orang pendidikan kita
apa yang kita mahu kita tidak tahu
apa yang kita slogankan kita tidak faham
kalau kita teliti
tangan kanan kita membangun
tangan kiri kita meruntuhkan.

Di Lapanganterbang Kuwait
(Pagi) 27 Feb. 7984.

TUHAN TELAH AKU FAHAM TABIAT HATI

Tuhan, telah aku faham tabiat hati
telah aku faham sifat-sifatnya
bila dipuji dia terlonta-lonta
gembiranya sungguh ketara
inilah yang Kau murka
bila dikeji dia derita, bencinya amat nyata
kadang-kadang dia kecewa
begitu juga bala bencana
perasaannya juga serupa
kadangkala putus asa
hilang sabarnya atau tiada redha
jatuh dosa neraka padahnya
bila mewah atau kaya
atau berjaya di da/am hidupnya
dia lupa Tuhan yang Berkuasa
pemberi nikmat kepadanya
dia merasakan kejayaannya
jatuh pula kepada qadariah yang bidaah
bila orang tersalah terhadapnya
atau orang hina dia di depannya
timbullah berang lupa pertimbangan
badannya bergerak dan terketar-ketarpula
laksana dirasuk syaitan yang durjana
bila dia mengumpul harta
hati bimbang takut hilangnya
timbul bakhil serta tamaknya
lalu takut mengorbankannya
timbul pula mazmumah yang lain pula
Tuhan, hati inilah yang sedang kudidik
aku fikirkan dan aku kuasai se tiap masa

namun demikian belum juga berjaya
Tuhan pimpinlah aku untuk menguasainya
agar Engkau dapaf kupuja.

Malam *Jumaat*
I-3-84
Di Darrud-Diafah
Kuwait.

IN/LAH D/A HATI

Mukanya, matanya,mulutnya, telinganya
gerak-gerinya sifat lahiriah
ini adalah buah-buah
yang dapat dilihat
ada pokok yang tidak nampak di mata
buah-buahnya nampakpokoknya tersembunyi
kecuali orang arif bistari
itu dialah hati
dia menyuruh dan menegah
sebagai raja dalam diri
anggota lahir semua rakyatnya
dia baik kerana penasihatnya
akal namanya
dia jahat kerana musuhnya
nafsu namanya
raja harus bijaksana
menerima nasihat bagi dirinya
kalau salah pilih penasihat
binasalah rakyatnya.

BUTA HATI TDAK NAMPAK JALAN KE AKHIRAT

Buta mata tidak nampak jalan di dunia
kerana tidak nampak cahaya
tidak tahu ke mana hendak dituju
ke hilir atau ke hulu
sesatlah di dunia fana ini
bilamana hidup lama
berdasarkanpengalaman
kerana jalan itu sudah biasa
ada pedoman memandu kita
tongkat di tangan memban tu juga
boleh jadi ada orang simpati membawa
tapi kawan buta hati, aduh parahnya
tidak nampak jalan ke akhirat
negeri yang kekal abadi
yang tidak diukur dengan masa
tidak ada tongkat membantu
tiada pengalaman yang memastikannya
tiada pedoman menunjuk kita
tidak ada orang yang simpati menolong kifa
da/am raba-raba terjun ke neraka
tempat yang paling celaka.

MUKANYA ITULAH HATINYA

Mukanya itulah hatinya
tintanya pada sesuatu itulah tuturnya
gerak-gerinya itutah buah hatinya
susunan kata-katanya itulah fikirannya
tindakannya itulah dia nafsunya
amarahkah dia atau lainnya
mahmudahnya dapat dilihat pada seluruh anggota
mazmumahnya begitu juga
itulah dia akhlak namanya
buah yang dilahirkan oleh sifat batin.

BATERI PADA KERETA IBARAT HATI PADA MANUSIA

Ba teri pada kereta
ibarat hati pada manusia
lampu pada kereta ibarat mata pada manusia
jika pemandu se/a/u main lampu
bateri akan lemah
kereta di'start" susah sekali
kenalah cas bateri kembali
kalau tidak, hilang "power" nya
bila terjadi kereta tidak boleh berjalan Iagi
begitu juga mata manusia
jika memandang maksiat semau-maunya
hati akan lemah
kecergasan ibadah menurun atau rendah sekali
kecuali dikuatkan kembali
dengan pengajian dan zikrullah
juga baca Quran dan hadis Nabi
jika tidak hati akan terus mati
waktu itu
jasad manusia jadi seperti jasad kereta
bila bateri 'condemn" body tidak berjalan lagi
begitulah kalau hati mati
jasad manusia tidak bertungsi lagi.

ORANG YANG KUSAYANGI .

Banyak perkara yang kucintai di dunia ini
isteri yang setia
anak-anak yang taat menurut kata
sahabat-sahabat yang bertimbang rasa
harta yang halal memberi guna
tapi kemuncak cintaku
ialah jalan perjuangan
yang telah diren tang selama ini
yang sangat kusayang
dan sangat kujagai
untuk menuju Tuhan yang Esa
moga-moga orang yang kusayangi
mengikut jalan ini bersama.

RUMAHTANGGA ISLAM

Suami yang berperanan
sebagai ketua keluarganya
dipanggil bapa
mendidik, mengasuh isteri-isteri dan anak-anaknya
isteri-isteri yang mengurus hal suami dan anak-anak
isteri-isteri yang siap sedia mematohi suami
anak-anak yang taat mematuhi kedua ibu bapanya
isteri-isteri dan anak-anak yang berdiri hormat
waktu pemergian dan kepulangan ketua keluarga
anak-anak yang berpuas hatipemberian bapanya
isteri-isteri **yang** *mencukupi nafkah dari suami*
di samping melahirkan rasa syukurnya
tiada meminta-minta apa yang tiada
solah berjemaah bersama-sama
zikir dan tilawah penyeri rumahnya
kasih mesra yang sangat ketara
maaf-bermaafan perkara biasa
hidup sederhana di semua aspeknya
al jannatul 'ajilah telah dirasa
bayang syurga akhirat tercetus di dunia.

KASIHKU PADAMUADALAH DI DALAM HATI

/

Isteri-isteriku, aku tahuperasaanmu
engkau semua ingin aku di rumah se/a/u
aku juga begitu
perasaanmu adalah perasaanku
anak-anakku, aku faham patut selalu denganmu
berkasih mesra di tengah kehidupanmu
engkau semua inginkan kasih sayang dariku
aku sedar semua itu
isteri-isteriku dan anak-anakku
kasihku padamu semua Allahlah yang tahu
kasihkupadamu adalah di da/am hati
tidak dapat dilahirkan di dalam reaiiti
kamu semua mesti faham
masyarakat umat Islam hari ini telah rosak sama sekali
aku tidak senang hati
aku terpaksa tampil ke depan membaiki keadaan ini
walaupun fizikalku tidak di sampingmu selalu
hatiku tetap bersama-samamu
aku terpaksa berbuat begitu
isteri-isteri dan anak-anakku
aku terpaksa menerima panggilan Tuhan
aku jarang ada di rumah
aku selalu berada di gelanggang kehidupan
ini adalah pahit bagimu
juga pahit bagiku
aku terpaksa menyahutpanggilan llahi
di samping tidak pula mengecilkan panggilanmu
pahit itu, itulah pengorbanan
tidak dapat kasih sayang ini juga pengorbanan

sepi se/a/u adalah juga pengorbanan
berkorban untuk Tuhan
berkorban et-tin ya terkorban
terkorban itulah dia nilai insan
di sisi tuhan
bukankah kasihkan Allah mengatasi segala-galanya?
bukankah ini perjalanan para Rasul dan Anbia?
Sahabat dan Tabi'in"?
Aulia'dan Solihin?
isteri-isteri dan anak-anakku
aku tetap sayang padamu
simpatiku tetap mendalam
tapi Tuhan memanggilku selalu.

ISTERI-ISTERI

Isteri-isteri itu adalah amanah Tuhan
yang mesti dijaga, diawasi dan dibajai hatinya
mengambil alih kuasa dari ibu bapanya
di bawah nama suami
adakalanya penghibur hati
pencerah fikiran dan penguat jiwa
adakalanya menyiksa jiwa
duri pada fikiran dan racun pada hati
neraka rumahtangga
akan tumbuh uban sebelum masanya
akan jadi tua sebelum seketikanya
didiklah dia, jangan marah-marah
lemah-lembut dan berhemah
simpati dan timbang rasa
kita akan dapa t tundukkannya
jangan biarkan mengikut kehendaknya
kecuali syariat membolehkannya
dia akan terus tersasul dan tersalah
dayus pada kita
neraka padahnya.

2.50 petang
22-2-84

ANAK-ANAK ADALAH CAHAYA MATA

Anak-anak adalah cahaya mata
penghibur hati penyejukmata
nikmat Allah yang paling bahagia
nisbah benda lahiriah di dunia
amanah Allah yang mesti dijaga
dididik dan dipelihara
mencuaikannya khianat dan dosa
dua ibo bapanyalah yang menenfukan nasib mereka
pada lahirnya
pada hakikatnya Tuhan yang 'makhtadir" lagi Asa
apakah mereka akan jadi Yahudi?
akan jadi Nasrani?
akan jadi Majusi?
atau akan jadi Mu/hid?
awaslah, mereka adalah amanah Tuhan
dia boleh jadi harta yang berharga di dunia
jariah kita di negeri abadi
afau fuan besar memperhambakan kita
atau perompak-perompak yang memaksa kita
atau penjenayah yang menyusahkan sepanjang masa.

AIRMATA BERLINANG MEMBASAHI PIPI

Anak kecilnya membeliakkan mata
tajam merenung ke muka umminya
di atas enjutan pangkuannya
sambil menyusu dengan lahapnya
ummi merenung anaknya sayu
dengan penuh kasih sayangnya
abang si adik kelas tadika
memeluk leher umminya
sambil menggoyang-guyangkannya
terkeluar dari mulut umminya
"‘jangan nak! duduk elok-elok”
“adik menyusu!”
‘abang pun nak susu, ” telingkahnya
“mana susu abang?”
$abar nak, biar adik dulu!” jawab umminya
anaknya yang besar itu
menggoyang-goyangkan tengkuk umminya
sambil berka ta dengan hibanya
“abuya mana ummi?”
‘mengapa abuya lama tidak balik?”
umminya senyap sepi
airmatanya berlinang
mengalir membasahipipi
berguguran ke muka anak kecilnya
yang sedang menyusu
anak kecilnya tidak mengerti apa-apa
dia tetap menyusu dengan asyiknya
*abang si adik menyambung **lagi***
"mana abuya ummi?”

‘mengapa abuya tidak balik?”
airmatanya betambah banyak
berguguran ke muka anak di pangkuan
hatinya bertambah sebak
anaknya yang memeluk perasaan umminya
lan tas menegur dengan hibanya
“ummi? mengapa ummi menangis?”
umminya masih diam sahaja
tanpa menjawab sepatah kata
keiu lidahnya untuk berkata
kerana sedihnya
kemudian umminya bingkas dari duduknya
meninggalkan anak-anakn ya
membua! kerja seperti biasa
sambil berkafa,
‘abuya berdakwah nak!”

PENDIDIKAN ARQAM

Pendidikan Arqam tersendiri
unik dan berlainan sekali
la syarfi ha wala gharbiyah
tali lslamiah insya-Allah sunnah Nabi
pergaulan lelaki dan wanita terbatas sekali
bukan un tuk makan gaji
bukan on tuk degri
tapi un tuk berdikari
untuk menjadiabid pemuja Allah
menjadi hamba yang jauh sekali
untuk menyambung lidah jemaah sendirl
bila terpisah dari madrasah
untuk mengembang sayap jemaah
agar terbang mera ta negeri
untuk menyambung lidah Nabi
sebagai mujahid pengikut Nabi
bagimendaulatkan kalimah Allah
agar menjadi orang bertaqwa
melatih pelajar-pelajar laksana anak
guru-guru dan pemimpin laksana ayah
satu sama lain terjalin kasih sayang
untuk melahirkan jemaah lslamiah
yang masing-masing ada peranannya
mengikut kebolehan, watak dan bakatnya.

10.45malam
28-2-84
DI Darud-Diafah
Kerajaan Kuwait.

FIKIRAN KITA TERHARU DAN KELIRU DIBUATN YA

Waktu Al Arqam baru muncul
bilangan pengikutnya kecil sahaja
tenaga pun be/urn ada
be/urn pun ada pembangunan dan projek-projeknya
kita dengar orang kata
apakah mahu tinggal dunia?
mengapa untuk akhirat saja?
kita diam tidak menjawabnya
bila pengikut sudah agak ramai
kekuatan telah mu/a ada
pembangunan telah dicetus serba sedikitnya
terutama ekonominya
terdengar pula oleh kita
orang-orang lain pula berkata
mungkin golongan yang tidak sama
apa Al Arqam telah jadi?
dari badan dakwah ke badan syarikat kerjasama?
malang Al Arqam telah buru dun/a
kita membisu seribu bahasa
sikap kita tidak suka komen apa orang lain kata
kecuali mereka tanya depan kita
di celah-celah itu terdengar pula orang kata
apa perlunya membangunkan asrama puteri?
mana nasnya?
ini bukan sunnah Nabi!!
berapa tahun kebelakangan
kita tercengang dan terkejut sekal
mereka yang mengkritik
telah membangunkan asrama pula

untuk puteri bukan putera
di samping berniaga
di antaranya budu pula
terluncur di mulut seorang kawan pula.

ALANGKAH INDAHNYA HIDUP INI

Alangkah indahnya hidup ini
Rasul diikut dan diselawatkan
sahabat dan tabi'in cermin hidupnya
ilmu ulama'penyuluh hidupnya
isteri-isteri yang solehah penyejuk matanya
melihat mukanya menghiburkan hati
anak-anak yang berbaktipenenang jiwa
sahabat-sahabat yang setiapembantu jihadnya
makan minum yang halalpembersih hatinya
rumah yang sederhana laksana masjid
bukan muzium negera
benteng maruah dan keluarganya.

TANYALAH D/RI

Rasulullah telah membangunkan Islam
dengan tarbiah dah hijrah
Abu Bakar, Umar, Usman dan Abdul Rahman bin Auf
denganhattanya
Sayidina Hamzah dan sebahagian sahabat
dengan darah
seluruh sahabat dan tabi'in dengan mujahadah
Islam subur bak bunga di taman waktu pagi
taman indah berserk-seri
berduyun-duyun manusia ke sana menghibur hati
wahai umat Islam
kita suburkan Islam dengan apa?
dengan teori?
dengan seminar dan kertas kerja?
dengan forum di dewan sahaja?
dengan pengajian un tuk degri?
dengan pembangunan fizikal tanpa rohani?
tanyalah diri
masing-masing dapat menjawabnya.

BERMULA DAR/ DIR/

Kawan
kaubaru sedar
dengan Islam ini
syukurlah pada Tuhanmu
Allah telah mengetuk pintu hatimu
tapi, kerana apa negara kaufikirkan dulu?
mengapa tidak dirimu?
juga keluargamu?
bukankah Islam itu bermula dari diri?
mengapakah kesedaranmu itu kausalahgunakan?
kaugunakan untuk koreksi orang lain
bukankah engkau perlu kenal dirimu?
selidikilah dulu pad? dirimu
nan ti engkau akan tahu
siapa dirimu?
maaf kawan, ingatan dariku.

PENGADUAN PADA TUHAN

Tuhan
Engkau telah memberitahu pada kami
melalui lidah Nabi-Mu
ten tang peristiwa akhir zaman
di zaman kami kini
ikhtilaf banyak di kalangan Muslimin
firkah-firkah yang sesat 72 banyaknya
Al Quran dijadikan dagangan.

Tuhan
kekasih-Mu juga telah memberitahu
dunia menjadi buruan setiap insan
laksana anjing-anjing memburu mangsa
kaum Muslimin laksana hidangan yang Iazat
di da/am satu dulang hidangan
tangan-tangan kafir yang rakus
menerkam ke da/am.

Tuhan
tidak ketingga/an Nabi-Mu bermadah
i/mu akhirat ditinggalkan orang
i/mu dunia menjadi rebutan
perempuan-perempuan menjadi hiasan di setiap gelanggang
pakaian mereka laksana telanjang,
rumah-rumah syaitan penuh riang
rumah-rumah Tuhan kosong dan lengang.

Tuhan
yang paling menakutkan Nabi-Mu berkata

di akhir zaman yang paling jahat ulama’-ulama’
tabiatnya busuk bak bau bangkai
siapa tercium bau busuknya
akan mati jiwanya.

Tuhan
Nabi-Mu menyambung lagi
terhadap peristiwa akhir zaman ini
perempuan hilang malunya
hormat pada suami tiada lagi
anak-anak tidak hormat pada ibu bapanya
bahkan keduanya dijadikan kuli
atau tidak dipeduli.

Tuhan
penutup kata kami ceritakan
dari lidah Nabi kekasih-Mu
rezeki yang halal susah dicari
ibarat mencari berlian yang berharga.

HARAPANKU PADAMU SUBUR KEMBALI

Wahai Tuhanku
bila mengenangkan "Qahhar-Mu, Jabbar dan
Syadiidul 'iqab-Mu"
rasa mahuputus jantung hatiku
kerana tidak lepas dari seksa-Mu
hamba-Mu rasa putus asa
stapakah yang dapat membersihkan diri?
dari dosa yang memburu setiap hart
Tuhanku
bila mengenangkan "Ghofurur-Rahim-Mu"
putus asa hilang kembali
semangat pulih semulajadi
harapanku pada-Mu subur kembali
Tuhanku
bila mengenangkan ujian yang sering tiba
adakalanya menekan jiwa
rasa tidak sanggup mengayuh perahu perjuangan ini
tapi bila mengenangkan mehnah ini
penghapus dosa di dunia ini
mengganti hukuman diakhirat nanti
semangat berkobar-kobar kembali
bak nyanyian merdu penghibur hati
Tuhanku
bila mengenangkan nikmat dan rahmat-Mu
setiap detik tidak berhenti
syukur tidak setimbang dengan apa yang diberi
malu rasanya memin ta lagi
tapi keharusan ada dari-Mu
aku pun meminta setiap hari
moga-moga syukurku bertambah lagi
Tuhanku

alangkah susahnya hamba-Mu ini
mendidik nafsu yang tidak bermata
yang tidak melihat kebenaran dari-Mu
yang tu/i tidak bertelinga
yang tidak mendengar ayat-ayat-Mu
yang memberontak selalu
yang bertindak tidak henti-hentinya
letih-lesu aku membendung
mengawal dan menjaganya
kerana dia bak kuda liar
Tuhanku
jika Engkau membantu aku
semuanya dapat diurus
dengan mudahnya.

MASANYA SUDAH TIBA

Aku merenong ke depan yang jauh
memikirkan sesuatu yang mes ti tiba
hati senantiasa menumpu ke situ
cemas dan harapan
aku selalu merenung ke depan
hati menumpu ke situ
nasib yang be/urn tahu
bukan masa tua yang semen tara
bukan masa baki umur yang ada
iaitu negara yang kekal abadi
negara itu tidak diukur dengan masa lagi
masanya akan tetap tiba ke situ
nasib kita belum tahu
sebab itulah hati ini
kadangkala di dalam harapan bimbang juga

Aku selalu merenung ke situ
nasibku yang belum tahu.

D/A DATANG T/DAK BERKAKI

Bersedialah untuk mati
sebelum kedatangannya
kerana kedatangannya tidak diberitahu.

Dia datang tidak berkaki
tibanya tidak bersuara
kedatangannya adalah tiba-tiba
kita tidak tahu di mana datangnya
dan bila datangnya
diambilnya kita mengejut saja.

Ketua negara tidak sempat berwasiat pada rakyatnya
ibu bapa tidak sempat berwasiat kepada anak-anaknya
suami tidak sempat berpesan kepada isteri-isterinya
isteri-isteri tidak sempat
menerima kepulangan suaminya
anak tidak sempat menunggu ibu bapanya
guru tidak sempat berpesan kepada murid-muridnya
murid tidak sempat menerima nasihat guru-gurunya
pengantin baru tidak sempat berbulan madu
tunang tidak sempat berpesan dengan tunangnya
sahabat tidak sempat berjumpa sahabatnya.

Bila tiba masanya
kita tidak dapat berkata:
nan tilah dulu
aku nak berpesan kepada orang tertentu.

BERKELANA

Tuhan memanggil aku
aku tidak menyahutnya
Tuhan memanggil aku
aku mendengar saja
Tuhan memanggil aku
aku menyahut sekali-sekala
Tuhan memanggil aku
aku cuba menerimanya
Tuhan memanggil aku
aku sahut bertalu-talu
Tuhan memanggil aku
aku jemu menyahutnya
tapi aku paksa diriku menerimanya
itulah aku
yang be/urn jinak dengan Tuhan
aku akan jinakkan dengan berkelana.

MENCAR! ILMU

Alangkah malangnya diriku ini
ibarat lampu
diri terbakar orang lain terang
atau ibarat lampu di atas bumbung
di da/am rumah gelap-gelita
di Iuar terang-benderang
atau ibarat lampu di atas kubur
di atas terang
di dalamnya tidak bercahaya
aku ingin berkelana
mencari lampu dari orang
bukan dari diri sendiri
agar diri terang.

Hai diri
jangan engkau menipu dirimu sendiri
sampai bila engkau gunakan lampu penyuluh orang
bila masa lagi engkau hendak menyuluh diri sendiri
kasihanilah dirimu.

RELAKANLAH PEMERGIANKU

Kematianku mungkin di ambang pintu
mungkin menunggu saat sahaja
anak-anak yang dicintai
isteri-isteri yang dikasihi
kawan-kawan yang setia
kalau benarlah berlaku
jangan kelian semua fangiskan
relakanlah pemergianku
iringilah dengan doa
agar ALLAH mencucuri rahmat padaku
kelian semua
tangiskanlah
apakah perjuanganku bersambung atau tidak
apakah perpecahan akan berlaku?
adakah dasarperjuangan dapat dipertahankan?
kelian semua harapanku
jangan sampai kematianku, kematian perjuanganku
jangan sampaipemergianku,
menghilangkanpertimbanganmu.

28-7-84
sebelah zuhur
waktu sakit di Desa Minang.

WASIATKU

Anak-anakku
kalau aku kembali ke alam baqa
janganlah kauharapkan apa-apa warisan dariku
jangan kautanya dari ibumu
'mana pusaka ayah ? "
aku tidak punya apa-apa
rumah yang besar tiada padaku
kebun yang luas jauh sekali
Wang-Wang di bank jangan dimimpi
saham-saham yang dilaburkan lebih-lebih lagi
hutang orang padaku telah kuhalalkan
kereta yang kunaiki milik jemaah
hanya ada satu pusakaku
peninggalan tunggalku
yang aku sayangi yang merupakan hidup matiku
taman ARQAM namanya
taman ini bukan aku beli!
bukan pula pusaka dari sesiapa
tetapi aku teroka dari hutannya lagi
bersama beberapa kawan yang setia
waktu membangun taman ini
telah banyak peluh yang tumpah
telah banyak tenaga yang rebah
adakalanya dibangunkan dengan airmata
cemuhan jangan kira
tuduhan-tuduhan yang dilempar
telah memekakkan telinga
sekarang taman ini ada di depanmu
setengah buahnya sedang dipetik
ada yang bunganya sedang mengembang
mengindahkan taman

ada yang buahnya sedang menghijau dan menguning
ada yang benihnya masih bercambah
ada yang sedang disemai
taman inipagarlah dengan perpaduanmu
kawallah dengan imanmu
terangilah dengan i/mu-ilmumu
suburkanlah dia dengan peluh-peluhmu
bajalah dengan tenaga-tenagamu
kalau terpaksa bajalah dengan darahmu!

Dengarlah anak-anakku!
inilah pesanan dari ayahmu
jika aku kembali ke alam baqa dahulu darimu.

Hari Jumaat
27-I-84
Waktu sakit, di Desa Minang,
Jam: 70.50 pagi.

DARUL ARQAM PUSAKAKU

Jika aku mati
*aku tidak **akan** meninggalkan apa-apa pusaka*
pusaka yang boleh menjadi rebutan
yang boleh dijual-beli
yang boleh dinilai dengan ribuan dan jutaan
yang boleh ditipu dan dicuri
yang boleh memecahbelahkan antara keluarga
hanya akan kutinggalkan
pusaka yang bukan berupa benda
yang tidak boleh difaraidkan
yang tidak boleh dijual-beli
iaitu jemaah yang aku sayang
Darul Arqam namanya
yang akan diikot orang di belakang
moga-moga Tuhan izinkan
juga anak-anak yang banyak bilangan
anak-anak kandung dan anak-anak ikutan
yang telah diasuh dan dididik
yang faham dan bersefahaman
yang akan meneruskan perjuangan
laksana "high-way" yang luas dan panjang
moga-moga jalan yang ditempuh itu
sampaimatlamatnya
dengan izin Tuhannya.



BERKELANA

Tuhan memanggil aku
aku tak menyahutnya
Tuhan memanggil aku
aku mendengar saja
Tuhan memanggil aku
aku menyahut sekali-sekala
Tuhan memanggil aku
aku cuba menerimanya
Tuhan memanggil aku
aku sahut bertalu-talu
Tuhan memanggil aku
aku jemu menyahutnya
tapi aku paksa diriku menerimanya
itulah aku
yang belum jinak dengan tuhan
aku akan jinakkan
dengan berkelana.